

## BAB EMPAT

### ANALISIS TAHAP PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK PADA PARAS SINTAKSIS (AYAT) DAN SEMANTIK

#### 4.0 ANALISIS SINTAKSIS (AYAT)

##### 4.1 Pendahuluan

Kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak pada paras sintaksis ini akan dibuat dengan membandingkan ujaran-ujaran yang diambil daripada data 50 ujaran kanak-kanak dengan aspek-aspek yang terkandung di dalam sintaksis bahasa Melayu seperti melihat pada pola-pola ayat, jenis-jenis ayat dan sebagainya. Tujuannya ialah untuk melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berusia antara 2.6 dan 3.7 tahun dalam aspek sintaksis. Sekiranya ujaran yang dibuat oleh sampel mempunyai bentuk-bentuk, pola-pola dan jenis-jenis ayat yang sama dengan bentuk, jenis dan pola-pola ayat bahasa Melayu maka ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah baik kerana mereka telah dapat menguasai aspek sintaksis bahasa Melayu. Begitu juga jika sebaliknya berlaku. Analisis sintaksis dilakukan juga dengan cara melihat sama ada ujaran-ujaran yang dibuat oleh sampel memenuhi ciri-ciri sintaksis bahasa

Melayu dan tidak menyalahi hukum-hukum tatabahasa bahasa Melayu dalam aspek sintaksis atau sebaliknya iaitu dengan cara;

1. Melihat sama ada ujaran yang dibuat oleh sampel mempunyai pola-pola yang betul sebagaimana pola-pola ayat dasar bahasa Melayu yang terdiri daripada Frasa Nama + Frasa Nama, Frasa Nama + Frasa Kerja, Frasa Nama + Frasa Adjektif dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama.

2. Melihat jenis-jenis ayat yang telah dikuasai oleh kanak-kanak berdasarkan klasifikasi jenis-jenis ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu seperti;

- a. Ayat Penyata
- b. Ayat Tanya
- c. Ayat Perintah
- d. Ayat Seruan

3. Melihat keupayaan kanak-kanak mengujarkan ayat-ayat majmuk bahasa Melayu yang terdiri daripada tiga jenis iaitu;

- 1. Ayat majmuk gabungan
- 2. Ayat majmuk pancangan
- 3. Ayat majmuk campuran

4. Melihat bentuk-bentuk kesalahan pembentukan ayat yang dilakukan oleh kanak-kanak semasa membuat ujaran seperti;

- 1. kesalahan menggunakan kata kerja
- 2. kesalahan membuat ayat yang tidak menggunakan sistem imbuhan
- 3. kesalahan membuat ayat yang menggunakan kata kerja pada awal ayat
- 4. kesalahan membuat ayat tanpa menggunakan kata sendi nama di tempat yang sepatutnya wujud kata sendi nama tersebut.

## **4.2 Definisi Sintaksis**

*The Encyclopedia of Language and Linguistic* telah mendefinisikan sintaksis sebagai ;

1. *the rules governing how words combine to form sentences.*
2. *the study of the grammatical relationships entered into by linguistic units at any level, including morpheme and sentences.*
3. *the relationships among characters, group of characters or symbols independent of their meanings or how they are used*

Abdullah Hassan di dalam bukunya yang bertajuk *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*, telah mendefinisikan sintaksis sebagai satu istilah yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘**Suntutein**’ yang bermakna menyusun. Jadi, sintaksis telah diambil sebagai satu istilah yang digunakan untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang terkecil iaitu frasa atau menjadi klausa dan ayat yang merupakan unit terbesar. Bidang sintaksis ini akan membawa kita berbincang mengenai bagaimana unit-unit seperti morfem, kata, frasa, klausa dan ayat berhubung menjadi ujaran. Dengan kata lain, kita mengkaji konstruksi-konstruksi ayat (Abdullah Hassan, 1980).

## **4.3 Peringkat-peringkat Pemerolehan (perkembangan) Sintaksis**

Terdapat sarjana-sarjana yang mengkaji pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak menganggap bahawa pemerolehan sintaksis sebenarnya bermula semasa kanak-kanak pandai menggabungkan dua kata atau

lebih. Ini bermakna peringkat satu kata tidak dianggap sebagai titik permulaan penguasaan sistem sintaksis di kalangan kanak-kanak. Biasanya, menjelang umur dua tahun, kanak-kanak mulai menggabungkan dua perkataan dalam ujarannya. Ayat-ayat yang diucapkan juga adalah bersifat gramatis dari segi sintaksis dan betul maknanya dari segi konteks (Mangantar Simanjuntak, 1987). Apabila kanak-kanak mencapai umur 2 tahun 3 bulan, mereka telah mampu menerbitkan ayat-ayat yang mengandungi lebih daripada empat perkataan dan menjelang umur empat tahun kanak-kanak telah bijak bertutur (Mangantar Simanjuntak, 1990).

Asmah Haji Omar (1985) berpendapat bahawa pada peringkat awal pertumbuhan bahasa, kanak-kanak biasanya hanya melahirkan bahasa yang ringkas sahaja iaitu yang hanya mengandungi kata-kata isi dan tidak wujud sebarang kata tugas. Oleh kerana sifat bahasa yang ringkas, maka bahasa pada tahap ini dipanggil sebagai bahasa telegram. Manakala menjelang usia tiga tahun pula kanak-kanak mulai memperlihatkan penguasaan beberapa bentuk kata tugas seperti "dalam", "sama" dan "dengan". Tetapi perkataan-perkataan "di", "ke" dan "dari" ternyata lambat muncul dalam diri kanak-kanak sehingga mereka berusia 4 tahun.

Abdul Aziz Sharif (1994) menyatakan bahawa pada peringkat umur kanak-kanak 7-10 bulan, mereka mula mengeluarkan ujaran satu perkataan yang biasanya mempunyai makna yang terbatas hanya kepada ahli keluarga sahaja. Apabila kanak-kanak berumur dua tahun dua bulan mereka mulai mengeluarkan

ayat-ayat yang terdiri daripada dua patah perkataan. Walau bagaimanapun kanak-kanak pada peringkat ini belum berupaya menguasai aspek struktur dan ayat-ayat yang dihasilkan adalah bersifat mudah. Seterusnya, apabila kanak-kanak berumur dua tahun tujuh bulan, mereka telah berupaya menghasilkan ayat-ayat yang terdiri daripada empat patah perkataan.

Steinberg (1982), telah membahagikan peringkat perkembangan sintaksis kepada tiga tahap iaitu *tahap telegraf*, *tahap morfem* dan *tahap transformasi*. Pada tahap telegraf, kanak-kanak mengucapkan gabungan kata dengan cara yang amat ringkas. Pada tahap ini kanak-kanak jarang sekali mengucapkan kata-kata tugas. Ayat-ayat dibina dengan kata inti sahaja. Pada tahap morfem, kanak-kanak mula menggunakan kata-kata dengan lebih rencam. Kata-kata tugas mula wujud dalam ayat kanak-kanak. Morfem-morfem infleksi juga mula wujud pada tahap transformasi kerana kanak-kanak telah menguasai kebolehan melakukan *pronominalisasi* iaitu mereka telah mampu membentuk ayat-ayat nafi dan juga ayat-ayat tanya walaupun ayat-ayat ini tidak bersifat gramatis.

Brown (1973), telah mengusulkan lima peringkat perkembangan sintaksis yang berasaskan pada purata penggunaan perkataan bagi tiap-tiap ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak. Pada peringkat pertama, biasanya kanak-kanak menggunakan perkataan tunggal dalam bentuk holofrasa dengan sedikit sahaja ujaran yang mengandungi dua patah perkataan. Di akhir peringkat perkembangan ini, hampir semua ayat kanak-kanak adalah terdiri daripada dua perkataan. Peringkat kedua pula kanak-kanak mulai membentuk ayat-ayat yang

singkat yang dipanggil *ayat telegrafis* kerana sama dengan ayat-ayat yang digunakan oleh orang-orang dewasa untuk membuat telegram. Pada peringkat ketiga hingga lima kanak-kanak mulai menghasilkan ayat-ayat yang semakin panjang iaitu pada masa kanak-kanak berumur antara 4-7 tahun. Melewati peringkat kelima, berlaku perkembangan sintaksis yang lebih canggih. Kesalahan-kesalahan dalam pembinaan pelbagai jenis ayat kian luput dan mereka boleh berbual secekap orang dewasa. Sesungguhnya proses pemerolehan bahasa berlaku secara teratur dan bersistematik.

Ramai juga yang berpendapat bahawa, pemerolehan bahasa kanak-kanak, khususnya pemerolehan sintaksis mereka sebenarnya bermula apabila kanak-kanak mula mengujarkan ayat-ayat satu kata seperti "abah", "mama", "nenen" dan sebagainya. Pada masa ini kanak-kanak sudah pun berumur satu tahun. Walaupun ayat-ayat ini terdiri daripada satu kata, tetapi dari segi semantik ayat-ayat satu kata ini mempunyai pelbagai makna mengikut konteksnya. Apabila umur kanak-kanak meningkat kepada tiga tahun, mereka mulai meniru sistem sintaksis orang dewasa. Mereka mulai mengekalkan tekanan, susunan dan intonasi perkataan seperti orang dewasa.

#### 4.4 Ayat

Hartmann dan F.C. Stork telah memberikan beberapa definisi tentang ayat berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh golongan-golongan tertentu misalnya Golongan Nahu Tradisional telah mendefinisikan ayat sebagai :

*the expression of a "complete thought" with at least a subject and a predicate (although in some sentences the subject is said to be understood)*

Manakala ahli Linguistik Struktural pula telah mendefinisikan ayat sebagai;

*the largest unit on which linguistics analysis can be carried out, i. e . it is a grammatical form which can be analysed into constituent of any larger form.*

Golongan Nahu Sistematik pula telah mendefinisikan ayat sebagai ;

*a sentence is similarly the highest grammatical unit in the hierarchy of rank scale and it is made up of one or more clauses*

Nahu Transformasi Generatif pula telah mendefinisikan ayat sebagai;

*The sentences is the highest linguistic unit and can be defined as any syntactic structure which can be generated by the phrase structure and transformation rules of an adequate grammar*

(Hartmann dan Stork,  
1972)

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan ia mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang diucapkan dengan menggunakan intonasi yang sempurna, iaitu yang dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan (Nik Safiah Karim, 1986). Definisi ini sama dengan pendapat yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar di dalam bukunya Nahu Melayu Mutakhir iaitu ayat ialah unit yang paling tinggi dalam skala tatatingkat nahu. Ia terdiri daripada klausa yang disertai dengan intonasi ayat yang lengkap yakni yang dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan. Melalui intonasinya menunjukkan bahawa sesuatu ayat itu sempurna dan selesai (Asmah Haji Omar,

1993). Manakala Arbak Othman pula telah mendefinisikan ayat sebagai satu ucapan yang mengandungi satu fikiran yang sempurna dan ia biasanya terdiri daripada suatu susunan perkataan yang penjelmaannya didahului dan diakhiri oleh kesenyapan (Arbak Othman, 1981). Bloomfield (1930) telah mengatakan ayat sebagai satu bentuk bebas linguistik yang tidak tertakluk kepada mana-mana bentuk linguistik yang lebih besar. Kata, frasa dan klausa kadang-kadang merupakan bentuk bebas, tetapi masih belum berdiri sendiri kerana ianya tertakluk kepada bentuk lain yang lebih besar iaitu ayat.

Terdapat juga definisi ayat yang dibuat berdasarkan ciri-ciri fonologis iaitu berdasarkan intonasi atau lagu ayat. Sebarang ujaran yang didahului oleh kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan ialah ayat. Chomsky (1967) menyatakan ayat itu terdiri daripada rentetan kata yang diterbitkan melalui rumus-rumus nahu yang tertentu. Walau bagaimanapun baik definisi Bloomfield, Chomsky atau fonologis semuanya menunjukkan bahawa ayat itu sebagai unit yang dapat berdiri sendiri dalam tatatingkat nahu. Dalam kajian sintaksis kita perlu melihat pada pola-pola ayat tersebut seperti pola dasar dan apakah pola-pola yang terbentuk dari pola dasar tersebut melalui proses-proses transformasi atau tidak (Abdullah Hassan, 1980).

Ayat-ayat dalam sebarang ujaran adalah dibezakan semata-mata kerana setiap ayat adalah merupakan bentuk linguistik yang bebas, tidak termasuk dalam mana-mana bentuk linguistik yang lebih besar, disebabkan oleh konstruksi tatabahasa. Dalam semua bahasa terdapat pelbagai taksem dalam membezakan

ayat dan jenis-jenisnya. Biasanya seorang penutur asli sesuatu bahasa akan dapat memahami dan menghasilkan sebilangan besar frasa dan ayat dalam bahasa tersebut walaupun beliau tidak pernah mendengar atau menghasilkan sesuatu ayat itu. Walaupun seseorang itu tidak pernah menemui sesuatu ayat dalam pengalaman bahasa sebelumnya, dia tetap juga dapat memahaminya kerana beliau mengacam unit biasa (kata yang beliau tahu) yang digandingkan dengan cara yang baru tapi wajar (Bloomfield, 1992).

Walau sepanjang mana pun ayat tertentu yang kita hasilkan, kita akan sentiasa dapat memancangkan ayat tersebut, menjadi lebih panjang lagi. Ini kerana bilangan ayat yang sempurna bentuknya adalah tidak terbatas. Oleh itu seseorang penutur asli sesuatu bahasa tidak akan dapat menghafal setiap satu frasa atau ayat dalam bahasa mereka. Jadi pertuturan bahasa mereka tidak dapat dicirikan sebagai satu senarai frasa atau ayat (Adrian Akmajian, 1990).

#### **4.5 Pemerolehan Pola-pola Ayat Kanak-kanak**

Setiap bahasa mempunyai jumlah ayat yang tidak terhad banyaknya, namun daripada jumlah yang sedemikian banyak itu ia boleh pula dipecahkan pada dua golongan sahaja iaitu golongan ayat dasar dan golongan ayat terbitan. Ayat dasar juga disebut sebagai ayat inti atau ayat mudah yang dapat membentuk atau menerbitkan ayat-ayat lain yang disebut sebagai ayat terbitan atau ayat transformasi. Setiap ayat ini baik ayat dasar ataupun ayat terbitan mengandungi berbagai jenis atau ragam ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah,

ayat seruan, ayat aktif, ayat pasif, ayat gabungan dan sebagainya. Sebenarnya kata dasar terbina daripada kata akar dengan menambahkan bunyi lain sebelumnya. Ini adalah kerana kata akar mempunyai hubungan makna dengan kata akar yang lain (Musa bin Dain, 1974).

Asmah Haji Omar (1994) telah menegaskan bahawa, walaupun terdapat banyaknya pola dan ragam ayat, tetapi ayat-ayat hanya terbentuk daripada dua pola ayat dasar iaitu yang terdiri daripada;

- 1 Frasa Benda – Frasa Benda (FB-FB)
- 2 Frasa Benda – Frasa Karyaan (FB-FK)

Frasa Benda (FB) ialah kata, frasa atau klausa yang menganggotai golongan benda yang boleh mewakili kata, frasa atau klausa nama, kata atau frasa bilangan dan kata ganti nama. Frasa Benda boleh berfungsi pada subjek, objek dan prediket nama dalam ayat. Frasa Karyaan dalam bentuk yang sepenuh-penuhnya adalah terdiri daripada kata karyaan + FB + Frasa Adverba. Unsur FB melambangkan objek dan Frasa Benda dalam frasa ini tidak wajib ada, kerana kata kerja tidak transitif dan kata sifat tidak mempunyai objek. Manakala adverba pula akan wujud menurut keperluan menyampaikan mesej tertentu sahaja. Oleh itu, unsur yang penting yakni yang wajib ada dalam Frasa Karyaan ialah kata karyaan, baik kata kerja maupun kata sifat.

Safiah Karim,et.al (1994) pula telah mengatakan bahawa ayat mempunyai empat pola iaitu;

1. Frasa Nama (FN) + Frasa Nama (FN)
2. Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK)
3. Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA)

#### 4. Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi Nama (FSN)

Umumnya, ayat-ayat dalam bahasa Melayu mempunyai konstituen subjek yang diisi oleh Frasa Nama, manakala konstituen prediket pula diisi oleh Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif dan Frasa Sendi Nama.

##### 4.5.1 Pemerolehan Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu

Ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa seperti ayat tunggal, ayat majmuk, ayat pendek dan ayat panjang. Pola-pola rangka ayat dasar itulah yang disebut sebagai pola ayat dasar. Dalam bahasa Melayu, pola ayat dasar boleh dibahagikan kepada empat jenis, berpandukan pada jenis-jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat-ayat itu iaitu jenis subjek dan prediket. Konstituen subjek umumnya diisi oleh frasa nama, manakala konstituen prediket pula diisi oleh empat jenis unsur yang berbeza iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan farasa sendi nama yang telah menubuhkan empat jenis pola ayat dasar bahasa Melayu. Ringkasnya, empat pola ayat dasar dengan unsur-unsurnya adalah seperti berikut;

1. Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)
2. Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN)

(Nik Safiah Karim, 1986)

Pengkaji telah membuat analisis data 50 ujaran yang telah diujarkan oleh sampel secara satu persatu berdasarkan keempat-empat pola ayat dasar di atas

bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada paras sintaksis bahasa Melayu. Hasil daripada analisis data didapati hampir semua keempat-empat pola ayat dasar bahasa Melayu ini terdapat dalam 50 ujaran yang dibuat oleh kedua-dua sampel, cuma pola Frasa Nama + Frasa Adjektif sahaja yang tidak terdapat pada ujaran-ujaran yang dibuat oleh Amin. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh konteks yang tidak mengizinkan ujaran yang mempunyai pola Frasa Nama + Frasa Adjektif ini diujarkan oleh sampel. Walau bagaimana pun semua bentuk pola ayat dasar bahasa Melayu ini hadir dalam ujaran-ujaran yang dibuat oleh Azam. Di bawah ialah data yang menunjukkan contoh-contoh ujaran yang dibuat oleh Amin dan Azam (daripada data 50 ujaran) yang berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+ FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN) dan Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + Fadj).

SAMPEL				
Pola-pola Ayat dasar Bahasa Melayu	Amin		Azam	
	Nombor Ujaran (dari lampiran 1)	Contoh-contoh ujaran yang mempunyai pola-pola ayat dasar bahasa Melayu (dari lampiran 1)	Nombor Ujaran (dari lampiran 1)	Contoh-contoh ujaran yang mempunyai pola-pola ayat dasar bahasa Melayu (dari lampiran 1)
1. FN + FN	2	/ katabe mek... / ( kapalterbang mek*)	13	/ Min loli / / loli / (Min lori, lori )
			46	/ Min gi main bola / (Min mari main bola)
2. FN + FK	20	/ mek aku pun nak gi dahlah dengan kereta ni nak kelik dahlah /	25	/ dia pun parking /
	34	/ mu ambik sediri ah	26	/ dia pun ikat tali /
3. FN + FA			19	/ mutor chopper comel /
			33	/ Min licinlah nih /
4. FN + FSN	24	/ aku nak kelik situ / (aku nak balik <u>ke</u> situ)	23	/ Umi nak gi mana eh ? / (Umi hendak pergi <u>ke</u> mana hah ? /
	49	/ hak ni duk depan / / hak ni duk belake / (yang ini duduk <u>di</u> depan, yang ini duduk <u>di</u> belakang )	32	/ ni robot tak sini / (robot ini letak <u>di</u> sini)

Jadual 5: Jadual menunjukkan contoh-contoh ujaran yang berpolakan FN +FN, FN + FK, FN + FA, FN + FSN bahasa Melayu.

Daripada jadual di atas, secara umumnya didapati bahawa kedua-dua sampel telah dapat menghasilkan ayat-ayat mengikut pola-pola ayat dasar bahasa Melayu. Walaupun kebanyakan ayat-ayat yang dihasilkan oleh mereka secara lisan itu lebih banyak terdiri daripada ayat-ayat minima dengan menggunakan 3 atau 4 patah perkataan, namun dari segi struktur binaan subjek dan prediket ayat-ayat tersebut ternyata telah menepati pola-pola ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu. Jadi

dapatkan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak telah menguasai pola-pola ayat dasar bahasa Melayu. Oleh itu, ujaran-ujaran yang dihasilkan tidak menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu kerana ia tidak lari dari pola-pola ayat dasar bahasa Melayu. Ini terbukti melalui penggunaan FN+FN, FN+FK, FN+FSN dan FN+ FA di atas. Walaupun dalam ujaran-ujaran 24 dan 49 yang dibuat oleh Amin, ujaran 23 dan 32 yang dibuat oleh Azam, dalam jadual di atas, didapati bahawa jika dilihat dengan mata kasar, kita tidak nampak kehadiran sendi nama seperti *di* dan *ke* ini tetapi sebenarnya kehadirannya adalah jelas nyata melalui intonasi ayat yang disebutkan itu. Misalnya dalam penyebutan perkataan [*sini*], [*situ*], [*depan*], [*belakang*] dan [*mana*] yang disebutkan oleh Amin dan Azam masing-masing, ternyata mempunyai kehadiran kata sendi nama *di* dan *ke* yang menjadikan maksud sebenar perkataan-perkataan itu ialah *[di sini]*, *[ke situ]*, *[di depan]*, *[di belakang]* dan *[ke mana]*. Keadaan ini terjadi kerana sebagaimana yang telah diterangkan di atas bahawa dalam dialek Kelantan, tidak semua imbuhan di awal perkataan atau frasa sendi nama itu disebutkan dengan terang dan jelas tetapi ia disebutkan dengan cara menekankan penyebutan di awal sesuatu perkataan itu seperti menekankan pengucapan *{si}* pada perkataan ***[sini]*** menjadikan ia bermakna ***[di sini]***, begitu juga dengan perkataan-perkataan [*situ*], [*depan*], [*belakang*] dan [*mana*] yang disebutkan dengan melakukan penekanan pada awal kata *{ de } , { be } dan { ma }* menjadikan ia bermaksud [*ke situ*], [*di depan*], [*di belakang*] dan [*ke mana*]. Keadaan ini hanya berlaku pada dialek Kelantan dan hanyalah penutur-penutur asli dialek Kelantan sahaja yang memahami dan

menyedari tentang kewujudannya. Oleh kerana Amin dan Azam bercakap dalam dialek Kelantan sepenuhnya menyebabkan mereka telah menggunakan bentuk-bentuk seperti ini. Ini menjelaskan bahawa persekitaran telah mempengaruhi bentuk pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang kanak-kanak itu. Ini selaras dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli teori Behaviourisme yang menyatakan bahawa pengaruh persekitaran adalah penting dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak (rujuk para 1.6.1.1).

Berdasarkan analisis data, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa walaupun kanak-kanak pada usia 2.6 tahun dan 3.7 tahun telah menguasai pola-pola ayat bahasa Melayu tetapi ia tidak sempurna sepenuhnya seperti orang dewasa kerana mereka masih berada dalam proses pemerolehan bahasa. Keadaan ini terbukti kerana berdasarkan analisis data didapati bahawa kanak-kanak dalam kajian ini lebih banyak dapat menghasilkan ayat-ayat yang mempunyai pola-pola FN+FN dan FN+FK berbanding dengan pola-pola FN + FA dan FN + FSN. Hal ini terjadi kerana kanak-kanak amat mudah menguasai perkataan-perkataan yang bersifat kata nama dan kata kerja kerana makna perkataan ini mempunyai sifat yang konkret atau nyata yang dapat dilihat dengan mata kasar seperti perkataan "makan", "tidur", "bola", "sudu", "kereta" dan sebagainya, berbanding dengan kata adjektif dan kata sendi nama yang bersifat abstrak yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar menyebabkan ia agak lambat dikuasai oleh kanak-kanak. Dapatkan ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Atan Long (1970) terhadap perbendaharaan kata asas kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan

beliau mendapati bahawa golongan kata nama merupakan perkataan-perkataan yang paling biasa pada kanak-kanak. Selain itu, kata nama dan kata kerja juga merupakan bentuk-bentuk yang terawal wujud dalam pertuturan kanak-kanak dan ia lebih sering digunakan oleh kanak-kanak (Juriah Long, 1993). Asmah Haji Omar (1985), menegaskan bahawa kata nama merupakan kata-kata isi yang merujuk kepada nama, sama ada nama manusia, binatang, benda atau barang dan ia begitu mudah difahami dan dikuasai kerana kata-kata isi dapat dirujuk kepada benda, perbuatan atau sifat tertentu.

Selain itu, kanak-kanak yang berusia 2.6 dan 3.7 tahun dalam kajian ini juga didapati masih berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya kerana kebanyakan ayat-ayat dasar yang dikuasai dan diujarkan oleh kanak-kanak adalah dalam bentuk ayat-ayat dasar yang mudah iaitu dengan menggunakan kata kerja dalam bentuk unggulan atau kata akar tanpa sebarang imbuhan atau penggandaan. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang telah dibuat oleh Brown dan Hanlon (1970) yang mendapati bahawa kanak-kanak menguasai struktur-struktur mudah sebelum yang kompleks. Kajian yang telah dibuat oleh Chomsky (1969) juga telah membuktikan bahawa kanak-kanak di bawah umur lima tahun masih tidak mampu menguasai bentuk-bentuk ayat kompleks bahasa Inggeris seperti ayat-ayat transformasi sehingga mereka mencapai usia 9-10 tahun (Chomsky, 1969). Keadaan ini juga membuktikan bahawa proses pemerolehan sintaksis tidak berlaku sewenang-wenangnya tetapi ia berlaku secara teratur dan sistematik. Ini selari dengan pandangan Slobin

(1973) dan Clark (1977). Menurut mereka kanak-kanak mempunyai strategi pembelajaran yang tertentu dalam proses pemerolehan bahasa. Keadaan ini jelas kelihatan pada kanak-kanak sampel yang menguasai ayat-ayat yang mudah dan mempunyai struktur-struktur yang asas. Penggunaan ayat-ayat kompleks yang masih pada tahap yang rendah menunjukkan bahawa kanak-kanak masih di peringkat awal pemerolehan dan penguasaan bahasa.

#### 4.6 Pemerolehan Ayat Tunggal di Kalangan Kanak-kanak

Ayat tunggal atau ayat selapis ialah unit tatabahasa yang tertinggi jika dibandingkan dengan unit-unit tatabahasa yang lain. Ia terbentuk daripada unit-unit lain yang lebih rendah iaitu klaus, frasa dan kata yang mengandungi satu konstituen subjek dan satu konstituen prediket (Hartman dan Stork, 1972). Ayat tunggal ini sebenarnya terbit daripada ayat dasar. Oleh itu binaan ayat ini sama dengan binaan ayat dasar yang terdiri daripada subjek dan prediket. Contoh-contoh ayat tunggal yang terdapat dalam data ialah;

Sampel	Nombor Ujaran	Contoh-contoh ujaran (yang berbentuk ayat tunggal)	Subjek	Prediket
Amin	24	/aku nak kelik situ /	Aku	nak kelik situ
	9	/mek nak air milo /	Mek	nak air milo
Azam	35	/ kereta polis /	kereta	Polis

Jadual 6: Jadual menunjukkan contoh-contoh ayat tunggal yang dibuat oleh sampel.

Daripada contoh-contoh ujaran di atas, didapati bahawa kedua-dua sampel telah menguasai bentuk ayat tunggal bahasa Melayu yang mempunyai unsur subjek dan unsur prediket walaupun masih pada tahap yang asas. Walaupun ayat-

ayat yang dihasilkan oleh sampel merupakan ayat-ayat minimum yang terdiri daripada 3 hingga 4 patah perkataan sahaja, namun ayat-ayat tersebut dapat digolongkan sebagai ayat tunggal kerana ia mempunyai binaan subjek dan predikat. Dapatan ini menunjukkan bahawa sampel telah mempunyai keupayaan untuk menghasilkan ayat-ayat tunggal dalam perbualan mereka. Ini selari dengan pendapat Wood (rujuk 2.2.1) yang mengatakan bahawa, bermula pada usia 2-2.5 tahun kanak-kanak telah pandai membina ayat-ayat yang mengandungi unsur subjek dan predikat.

#### **4.7 Pemerolehan Jenis-jenis Ayat Bahasa Melayu**

Berdasarkan pola intonasi ayat atau lagu bahasa Melayu dan tujuannya, ayat-ayat bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada empat jenis seperti yang berikut;

- (i) Ayat penyata
- (ii) Ayat tanya
- (iii) Ayat perintah
- (iv) Ayat seruan

##### **4.7.1 Ayat Penyata atau Ayat Berita**

Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud untuk membuat sesuatu pernyataan. Ayat jenis ini juga biasanya disebut sebagai ayat berita atau ayat keterangan. Ia merupakan suatu pola dasar yang biasanya boleh ditransformasikan pada pola-pola lain yang bukan dasar, tetapi masih mempunyai kontor berita yang sama. Contoh ujaran-ujaran yang terdapat di dalam data

menunjukkan bentuk-bentuk ayat penyata bahasa Melayu yang telah diucapkan oleh sampel.

Sampel	Nombor Ujaran	Ayat Penyata
Amin	2	/ katabe mek /
	13	/ ada tahi kucing tu /
Azam	33	/ Min licinlah nih /
	50	/ abe mandi dah /

Jadual 7: Jadual menunjukkan contoh-contoh ayat penyata yang terdapat dalam 50 ujaran kanak-kanak sampel.

Daripada contoh di atas didapati bahawa kedua-dua sampel mampu membuat ujaran yang mempunyai bentuk ayat berita atau ayat penyata. Ini menandakan bahawa kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini telah menguasai bentuk ayat berita walaupun ayat-ayat yang diucapkan adalah masih di tahap yang asas iaitu terdiri daripada bentuk-bentuk ayat yang pendek, mudah dan senang difahami.

#### 4.7.2 Ayat Tanya

Ayat tanya ialah ayat yang memakai intonasi tanya iaitu kontor nada yang meninggi sebelum kesenyapan akhir (S. Takdir Alisjahbana, 1964) dan ia digunakan untuk tujuan menanyakan tentang sesuatu hal. Dengan berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan tertentu, ayat tanya dapat digolongkan kepada dua jenis iaitu;

- Ayat tanya tanpa kata tanya
- Ayat tanya dengan kata tanya

(Nik Safiah Karim, 1986)

#### 4.7. 2.1 Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya ialah ayat yang lazimnya diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum kesenyapan akhir ayat. Dalam tulisan, nada tanya ini dilambangkan dengan tanda (?). Antara contoh-contoh ayat tanya tanpa kata tanya yang diucapkan oleh kanak-kanak dalam kajian ini ialah;

Sampel	Nombor Ujaran	Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya
Amin	25	/ ni kereta oghe ni dih ? /
	12	/ dah habis mek ? /
Azam	2	/ Min kita gi situ nak ? /
	21	/ Min kita main tanah nak? /

Jadual 8: Jadual menunjukkan contoh-contoh Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Daripada dapatan di atas, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak sampel dalam kajian ini telah dapat menguasai bentuk-bentuk ayat tanya tanpa kata tanya dalam bahasa Melayu. Oleh itu kanak-kanak telah mampu menghasilkan bentuk-bentuk ayat tersebut di dalam ujaran yang dibuat.

#### 4.7. 2.2 Ayat Tanya Dengan Kata Tanya

Ayat tanya dengan kata tanya ialah ayat tanya yang menggunakan kata tanya seperti apa, siapa, berapa, mengapa, bagaimana, dan lain-lain. Ayat-ayat jenis ini terdiri daripada dua golongan iaitu;

1. Ayat Tanya dengan Ganti Nama Tanya.
2. Ayat Tanya dengan Frasa Sendi Nama Tanya.

#### **4.7.2.2.1 Ayat Tanya Dengan Ganti Nama Tanya**

Ayat-ayat jenis ini terdiri daripada ayat-ayat yang mengandungi ganti nama tanya seperti apa, siapa dan mana. Di bawah ini ialah contoh ayat tanya yang dibuat oleh sampel dengan menggunakan ganti nama tanya;

Sampel	Nombor Ujaran	Ayat Tanya dengan Ganti Nama Tanya
Amin	43	/ <u>ghuana</u> tak gherak ni mi ? / ( <u>kenapa/ mengapa/ bagaimana</u> tak bergerak ni umi ? )
	6	/ <u>mana</u> ? /
Azam	36	/ <u>ni gapa</u> .ni umi ? / ( <u>ini apa</u> ni umi ? )
	42	/ <u>mana</u> tak nampak nih... <u>mana</u> ? /
	45	/ <u>mana bola ah</u> ? /

Jadual 9: Jadual menunjukkan Ayat Tanya dengan Ganti Nama Tanya yang telah diucapkan oleh sampel

Dapatkan di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah menguasai bentuk-bentuk Ayat Tanya dengan menggunakan Ganti Nama Tanya. Buktinya ialah terdapat begitu banyak sekali bentuk-bentuk pertanyaan yang dibuat oleh mereka di dalam data adalah dengan menggunakan Ganti Nama Tanya terutamanya perkataan “mana”.

#### **4.7.2.2.2 Ayat Tanya Dengan Frasa Sendi Nama Tanya .**

Ayat tanya jenis ini terdiri daripada ayat-ayat yang didahului oleh frasa sendi nama tanya seperti *di mana*, *dari mana*, *ke mana*, *sejak bila*, *sampai bila*, dan sebagainya. Dalam susunan biasa, kata tanya selalunya hadir dalam predikat.

Contoh;

- Azam** (ujaran (15)) : / Min aku nak cuah mana eh pasir eh ? /  
(Amin aku nak cuah di mana eh pasir eh ?)  
(ujaran 23) : / umi nak gi mana eh ? /  
(umi nak pergi ke mana)  
(ujaran 29) : / umi ambik mana nih robot ? /  
(umi ambil di mana robot ini ?)

Daripada analisis di atas, ternyata bahawa kehadiran awalan *di* dan *ke* dalam ujaran-ujaran yang dibuat oleh sampel tidak nampak dengan jelas, tetapi ia memang hadir melalui penekanan pada awal perkataan [mana], kerana dalam dialek Kelantan perkataan [mana] diujarkan oleh penutur-penuturnya dengan melakukan penekanan pada suku kata pertama iaitu pada {ma} yang bermaksud [di mana]. Begitu juga dengan ujaran 23 dan 29 didapati bahawa kanak-kanak ini telah membuat pertanyaan yang mempunyai frasa sendi nama tanya seperti *di mana*, *bagaimana* dan *ke mana*. Dalam ucapan 23 didapati bahawa Azam telah membuat pertanyaan dengan menggunakan kata tanya *mana* dalam ayat “*umi nak gi mana eh ?*”. Tapi jika dilihat pada konteks dan makna ayat (dalam bahasa standard) ayat ini sebenarnya bermaksud “*umi hendak pergi ke mana eh*”. Perkataan [mana] di sini sebenarnya bermaksud “*ke mana*”. Untuk menentukan sama ada *di* atau *ke* yang sepatutnya hadir bersama-sama perkataan [mana] ini, biasanya ia hanyalah boleh dibezakan berdasarkan konteks dan maksud pertanyaan itu dibuat dan biasanya hanyalah penutur asli dialek Melayu Kelantan

sahaja yang dapat mengesan dan membezakan kehadiran kedua-dua bentuk sendi nama ini dalam satu-satu perkataan itu. Oleh kerana kanak-kanak ini telah dibesarkan dalam masyarakat Kelantan yang menggunakan dialek Kelantan sepenuhnya, maka pemerolehan bahasa pertama beliau juga adalah dialek Kelantan. Ini membuktikan tentang kebenaran pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli teori Behaviourisme yang menyatakan bahawa kanak-kanak belajar bahasa melalui pengaruh persekitarannya. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya bolehlah disimpulkan bahawa semua kanak-kanak sampel telah menguasai bentuk-bentuk ayat tanya bahasa Melayu kerana mereka telah dapat membuat pertanyaan dengan baik. Ini selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Wood (1981) yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia 18 bulan ke atas telah pandai mengujarkan ayat-ayat yang berbentuk pertanyaan.

#### **4.7.3 Ayat Perintah**

Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Ia biasanya diucapkan dengan menggunakan intonasi perintah iaitu kontor nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir dan mempunyai tekanan yang lebih pada kata kerja yang hendak ditegaskan. Perintah biasanya ditujukan kepada orang kedua. Berdasarkan perkataan yang digunakan, ayat perintah boleh dibahagikan kepada empat jenis berikut;

- (i) Ayat suruhan
- (ii) Ayat larangan

- (iii) Ayat silaan
- (iv) Ayat permintaan

(Nik Safiah Karim, 1986)

#### 4.7.3.1 Ayat Suruhan

Ayat suruhan ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk memberi perintah atau arahan. Biasanya dalam ayat suruhan, subjek ialah ganti nama orang kedua seperti awak, kamu, engkau dan selainnya yang biasanya digugurkan. Walau bagaimanapun untuk tujuan penegasan, subjek juga boleh diucapkan. Yang berikut ialah contoh-contoh ayat suruhan yang terdapat di dalam data ujaran kanak-kanak;

Sampel	Nombor Ujaran	Ayat Suruhan
Amin	22	/ bau dap acu mu cium / <u>(bau sedap, cuba kau cium)</u>
	28	/ ambik bedil pulak / <u>(ambilkan pistol tu)</u>
	36	/ ambik semo / <u>(ambil semua)</u>
Azam	10	/ Min buh ga nih / <u>(Min masukkan benda ini)</u>
	11	/ Min taruh ni ga nih / <u>(Min simpan ni benda ini)</u>
	4	/ siup bola ni / <u>(tolong tiupkan bola ini)</u>

Jadual 10: Jadual menunjukkan bentuk-bentuk ayat suruhan yang diucapkan oleh kanak-kanak

Daripada analisis data di atas, jelas menunjukkan bahawa kedua-dua kanak-kanak sampel dalam kajian ini telah menguasai bentuk-bentuk ayat suruhan bahasa Melayu. Oleh itu mereka telah mampu mengujarkan ayat suruhan dalam

perbualan mereka walaupun ayat-ayat yang diujarkan ini hanyalah berbentuk ayat yang ringkas, mudah dan senang difahami.

#### 4.7.3.2 Ayat Larangan

Ayat larangan ialah ayat yang menggunakan kata larangan seperti jangan, usah, atau tak usah sebelum kata kerja dengan tujuan untuk menegah seseorang daripada melakukan sesuatu. Daripada analisis data 50 ujaran yang diujarkan oleh sampel, didapati tidak terdapat sebarang bentuk ayat larangan yang yang dibuat oleh kanak-kanak dalam kajian ini. Hal ini terjadi mungkin disebabkan konteks yang tidak mengizinkan kanak-kanak mengujarkan bentuk-bentuk ayat larangan semasa rakaman dibuat.

#### 4.7.3.3 Ayat Silaan

Ayat silaan ialah ayat yang menggunakan kata silaan seperti *sila* atau *jempui* sebelum kata kerja dengan tujuan untuk menjemput atau mempersilakan seseorang. Didapati bahawa tidak ada sebarang bentuk ayat silaan dalam setiap ujaran yang dibuat oleh semua kanak-kanak sampel. Ini membuktikan bahawa kanak-kanak pada peringkat umur di bawah lima tahun masih belum dapat menguasai keseluruhan sistem bahasa orang dewasa. Keadaan ini selari dengan hasil kajian terdahulu yang telah dibuat oleh Berko (1958), Donaldson dan Wales (1970), Palermo (1973), Maratsos (1974) dan Vantili (1982). Hasil kajian yang telah dibuat oleh sarjana-sarjana ini menunjukkan bahawa proses pemerolehan

tatabahasa kanak-kanak yang berumur 4-5 tahun adalah tidak lengkap . Hasil kajian yang dibuat oleh Brown (1964) dan Mc Neil (1966) juga mengesahkan perkara yang sama.

#### 4.7.3.4 Ayat Permintaan

Ayat permintaan ialah ayat yang menggunakan kata permintaan seperti *minta* dan *tolong* dengan tujuan untuk memohon permintaan dan pertolongan. Di bawah ini ialah contoh ayat permintaan yang terdapat di dalam data 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak sampel;

Sampel	Nombor Ujaran	Ayat permintaan
Amin	1	/ mek nak ato / (mek nak pistol )
	9	/ mek nak air milo /
	50	/ Jid letak dulu, kita pasang ni ya ? /
Azam	16	/ Min nak kereta /
	17	/ nak kereta /

Jadual 11: Jadual menunjukkan contoh-contoh ayat permintaan yang dibuat oleh sampel

#### 4.7.4 Ayat Seruan

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti takut, marah, takjub, geram, sakit dan sebagainya. Intonasi seruan ini digambarkan dalam tulisan dengan tanda seru (!) yang biasanya terletak diakhir ayat, samada ayat itu

didahului oleh kata seru atau tidak. Kata seru yang sering digunakan ialah *oh*, *amboi*, *wah*, *cis*, *eh*, *aduh*, *syabas* dan sebagainya. Ayat-ayat jenis ini sebenarnya tidak terdapat dalam data percakapan kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak sampel dalam kajian ini masih belum dapat menguasai bentuk-bentuk sintaksis sepenuhnya seperti orang dewasa. Mereka masih belum dapat menguasai semua jenis dan pola-pola ayat dengan baik dan sempurna. Dapatan ini mempunyai pertalian yang erat dengan dapatan kajian psikolinguistik barat yang berasaskan kerangka Piaget seperti yang telah dilakukan oleh Sinclair (1976) dan (1970) dan Morehead (1974). Menurut mereka, kanak-kanak empat tahun masih belum dapat membuat pola-pola ayat yang kompleks. Rumus-rumus bahasa masih belum difahami oleh kanak-kanak peringkat ini sehingga mereka mencapai umur 7-12 tahun iaitu mengalami satu tahap perkembangan operasi konkrit (Piaget, 1926). Kebolehan itu akhirnya akan terus berkembang dalam bahasa kanak-kanak sehingga mereka berada di alam persekolahan (Owens, 1984). Ini menunjukkan bahawa adanya peringkat-peringkat dalam proses pemerolehan sintaksis. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan yang dibuat oleh Brown (1973) yang membuktikan bahawa kanak-kanak memperolehi kecekapan sintaksis secara berperingkat-peringkat kerana terdapatnya kerumitan kumulatif pada fungsi gramatif dan semantik tiap-tiap morfem (Brown, 1973).

#### **4.8 Ayat Majmuk atau Ayat Berlapis**

Sebenarnya terdapat pelbagai definisi yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji bahasa terhadap ayat majmuk. Nik Safiah Karim telah menerangkan ayat majmuk sebagai ayat yang terdiri daripada dua atau lebih ayat tunggal sama ada disambung secara terus menerus dengan menggunakan kata hubung-kata hubung seperti *dan, atau, tetapi dan lain-lain* atau dengan sistem hubung yang rumit yang memerlukan proses-proses yang memasukkan atau menggugurkan struktur-struktur tertentu seperti memasukkan perkataan *yang, bahawa* dan sebagainya (Nik Safiah Karim, 1980). Menurut Zaaba pula, terdapat tiga jenis ayat majmuk iaitu ayat berlapis, ayat berkait dan ayat bercampur. Ayat berlapis ini merupakan dua atau lebih ayat selapis yang dirangkaikan menjadi satu oleh sendi kata penambah dan tiap-tiap lapisnya itu sama besar yakni boleh diambil sendiri dengan tidak menjadikannya tergantung maksud atau mengganggu lapis yang lain. Ayat berkait pula ialah ayat yang dihasilkan dengan menyatukan dua atau lebih ayat selapis dan ayat bercampur pula ialah ayat yang mencampurkan kedua-dua jenis ayat majmuk di atas (Zaaba, 1953). Lufti Abas pula telah menggunakan istilah ayat majmuk bagi ayat-ayat yang terdiri daripada dua atau lebih ayat yang dijadikan satu dengan atau tanpa menggunakan kata hubung *dan, atau, tetapi atau lain-lain di antaranya* (Lufti Abas, 1972). Asmah pula telah mendefinisikan ayat majmuk sebagai ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau predikat. Ayat majmuk terbentuk daripada gabungan ayat-ayat bebas dan ayat tak bebas di mana ayat bebas ialah ayat yang boleh

berdiri sendiri dan mempunyai satu subjek dan satu predikat. Manakala ayat tak bebas pula ialah ayat yang tidak boleh berdiri sendiri yang biasanya didahului oleh kata hubung tak setara seperti *kalau, jika, sebab, kerana, oleh, oleh sebab, oleh kerana, bila, masa, waktu, ketika, sungguhpun, walaupun dan lain-lain* (Asmah Hj. Omar, 1970).

Nik Safiah Karim dan rakan-rakannya dalam buku *Tatabahasa Dewan Jilid I* telah mengkelaskan ayat berlapis ini kepada ayat majmuk. Ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih. Cuba lihat contoh ayat majmuk yang terdapat dalam data 50 ujaran kanak-kanak; Lihat ujaran (7) yang dibuat oleh Amin di bawah.

Amin : / mek... mek atabe nak tinggi mek, tinggal semua oghe  
(mek kapalterbang naik tinggi dan tinggalkan semua orang)

Ayat yang diujarkan oleh Amin di atas sebenarnya merupakan sebuah ayat majmuk kerana jika diperhatikan betul-betul ia adalah terdiri daripada dua ayat iaitu;

1. / mek atabe naik tinggi /
2. / atabe tinggal semua oghe /

Ayat ini terdiri daripada dua ayat yang telah diujarkan oleh kanak-kanak secara mencantumkan kedua-duanya menjadi satu tanpa menggunakan sebarang kata hubung. Sepatutnya ayat ini digabungkan dengan menggunakan kata hubung **dan**, tetapi disebabkan kanak-kanak ini mungkin masih belum mahir lagi menggunakan perkataan **dan** dalam tahap pemerolehan bahasanya, maka kata

hubung **dan** ini tidak digunakan semasa membuat ujaran di atas. Walau bagaimana pun bagi pendengar yang peka mereka akan dapat mengecamkan bentuk ayat di atas yang sebenarnya terdiri daripada dua ayat yang digabungkan menjadi satu bentuk ayat majmuk. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak masih tidak mampu membina ayat-ayat mengikut pola-pola gramatis dengan baik dan sempurna seperti orang dewasa kerana kanak-kanak sering menggugurkan unsur-unsur tertentu semasa membuat ujaran seperti menggugurkan kata hubung, kata sendi nama dan sebagainya yang masih belum dikuasai dengan baik. Dapatan ini sebenarnya adalah selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh ahli psikolinguistik barat yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia di bawah lima tahun masih belum mampu membuat pola-pola ayat yang kompleks.

Sebenarnya terdapat berbagai-bagai jenis ayat majmuk, dan berdasarkan cara pembentukannya ia boleh dibahagikan kepada tiga jenis yang utama iaitu;

- (i) Ayat majmuk gabungan
- (ii) Ayat majmuk pancangan
- (iii) Ayat majmuk campuran

#### **4.8.1 Ayat Majmuk Gabungan**

Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti *dan, atau, tetapi, serta* dan *kemudian*. Ayat-ayat ini pula setara sifatnya iaitu sama taraf dan boleh berdiri sendiri. Hubungan antara satu ayat dengan ayat yang lain wujud oleh sebab ayat-ayat tersebut disusun secara

berturut-turut. Ayat-ayat ini pula boleh digabungkan tanpa kata hubung dan apabila ini berlaku nada suara akan berfungsi sebagai penanda iaitu disuarakan sebagai deretan pernyataan. Kadang-kadang ayat ini bila berada dalam bentuk tulisan ia akan dipisahkan oleh tanda baca (,) (Nik Safiah Karim, 1991).

Ujaran yang dibuat oleh Amin (ujaran 7) di atas boleh dijadikan sebagai contoh bentuk ayat majmuk gabungan.

#### Contoh 1

Amin : / mek atabe naik tinggi mek, tinggal semua oghe /

Sebagaimana yang telah diterangkan di atas, ayat ini sebenarnya adalah terdiri daripada dua ayat yang setara sifatnya iaitu yang sama tarafnya dan boleh berdiri sendiri. Hubungan antara satu ayat dengan ayat yang lain pula wujud disebabkan ayat-ayat tersebut telah disusun secara berturut-turut. Ayat ini boleh dipecahkan kepada dua iaitu;

1. / mek atabe naik tinggi /
2. / atabe tinggal semua oghe /

Sepatutnya kedua-dua ayat di atas boleh diucapkan dengan menggunakan kata hubung **dan**, dan ayatnya akan menjadi begini;

/ mek atabe naik tinggi dan tinggal semua oghe /

Mungkin kanak-kanak ini masih belum tahu menggunakan perkataan **dan** menyebabkan beliau meninggalkannya dan terus mengucapkan ayat tersebut tanpa kata hubung **dan**. Walaupun begitu ayat di atas tetap juga tergolong dalam golongan ayat *majmuk gabungan* kerana menurut Nik Safiah Karim, ayat majmuk gabungan tidak semestinya wujud bersama kata hubung tetapi ayat-ayat

tersebut boleh juga disambungkan tanpa menggunakan kata hubung. Cuma nada suara sahaja yang berfungsi sebagai penanda iaitu ia disuarakan sebagai deretan pernyataan. Dan dalam bentuk tulisan ia telah di pisahkan oleh tanda baca (,).

**contoh 2**

Amin (ujaran 48) : / hak ni duk depan, hak ni duk belake /

Ayat di atas juga merupakan satu bentuk ayat majmuk gabungan kerana ayat ini sebenarnya terdiri daripada dua ayat iaitu;

1. / hak ni duk depan /
2. / hak ni duk belake /

Sepatutnya ayat ini diucapkan dengan menggunakan kata hubung **dan** menjadikan;

/ hak ni duk depan **dan** hak ni duk belake /

Di sini terdapat persamaan antara pengucapan ayat dalam contoh 1 dan pengucapan ayat dalam contoh 2 di atas, iaitu kedua-duanya telah diucapkan tanpa menggunakan kata hubung **dan** walaupun sepatutnya kata hubung **dan** ini perlu digunakan dalam kedua-dua ayat tersebut. Oleh kerana kedua-dua ayat di atas telah diujarkan oleh penutur yang sama, maka ini telah menguatkan lagi bukti bahawa kanak-kanak ini sememangnya masih tidak tahu menggunakan kata hubung **dan** dalam tahap pemerolehan bahasanya menyebabkan dia telah meninggalkannya. Ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan sintaksis (ayat) kanak-kanak masih tidak sempurna sepenuhnya. Walau bagaimanapun ayat ini masih lagi merupakan ayat majmuk gabungan yang dipisahkan oleh tanda baca (,) dan mempunyai bentuk yang setara sifatnya.

#### **4.8. 2 Ayat Majmuk Pancangan**

Ayat majmuk pancangan, ialah ayat yang terdiri daripada beberapa ayat yang tidak sama kedudukannya antara satu sama lain dan ia telah dipancangkan pada ayat utamanya sehingga jalin-berjalin dan kait-mengait lalu menjelma dalam bentuk satu ayat yang kompleks (Asraf, 1974). Ia biasanya mempunyai satu ayat utama (induk) dan satu ayat atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu. Dalam proses pemancangan itu perkataan relatif “yang” telah digunakan untuk menghubungkan dua ayat tersebut. Terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan dalam bahasa Melayu iaitu;

- a) Ayat Majmuk Pancangan Relatif
- b) Ayat Majmud Pancangan Komplemen
- c) Ayat Majmuk Keterangan

Walau bagaimanapun daripada data 50 ujaran kanak-kanak, didapati hanya terdapat jenis ayat majmuk pancangan keterangan sahaja. Ayat majmuk keterangan ini ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan atau predikat iaitu ia berfungsi memberikan huraiyan yang lanjut kepada kata kerja ayat induk. Sebenarnya terdapat berbagai-bagai keterangan yang disampaikan oleh ayat-ayat kecil jenis ini, bergantung kepada jenis kata hubung yang digunakan dan maksud yang terkandung di dalamnya. Jenis-jenis keterangan ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu;

- a. **Ayat majmuk pancangan keterangan musabab** yang menggunakan kata hubung **kerana, oleh sebab, hingga, sehingga dan sebagainya**.
- b. **Ayat majmuk pancangan keterangan syarat** pula menggunakan kata hubung seperti **sekiranya, andaikata, kalau, jika dan sebagainya**.
- c. **Ayat majmuk pancangan keterangan waktu** pula ialah ayat majmuk yang menggunakan kata hubung seperti **sejak, setelah, sementara, tatkala, ketika dan sebagainya**.
- d. **Ayat majmuk pancangan keterangan pertentangan** ialah ayat yang menggunakan kata hubung seperti **sungguhpun, meskipun, walaupun dan sebagainya**.
- e. **Ayat majmuk pancangan keterangan harapan** pula ialah ayat yang menggunakan kata hubung seperti **agar, supaya dan semoga**.
- f. Akhir sekali ialah **ayat majmuk pancangan keterangan cara** iaitu ayat yang biasanya menggunakan kata hubung **dengan**.

Contoh ayat majmuk pancangan keterangan yang terdapat dalam data ialah;

#### Contoh1

Ujaran nombor 10 yang dibuat oleh Amin dalam data 50 ujaran.

1. / aku taksir gi main, sakit gigi /

sepautunya;

2. / aku taksir gi main **sebab** sakit gigi / atau

3. / aku taksir gi main **kerana** sakit gigi /

Walaupun ayat di atas telah diucapkan tanpa kata hubung *kerana*, atau kata hubung *sebab*, tetapi ayat ini sebenarnya berbentuk ayat majmuk pancangan keterangan kerana ia terdiri daripada dua ayat iaitu satu ayat induk dan satu lagi ialah ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan kepada prediket. Ayat induk ialah ayat yang boleh berdiri sendiri iaitu ayat “/aku taksir gi main /” manakala ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan pula ialah terdiri daripada ayat “/ sakit gigi /”. Ayat kecil ini tidak boleh wujud sendirian sebagai ayat yang sempurna kerana ia tidak boleh berdiri sendiri dan ia perlu wujud bersama ayat yang lain.

Walaupun kata hubung *kerana* atau *sebab* tidak digunakan, tetapi jika dirujuk kepada tatabahasa bahasa Melayu, ayat ini perlu dilengkapkan dengan kata hubung *sebab* atau *kerana* bagi membentuk ayat yang sempurna seperti ayat 2 dan 3 di atas. Walau bagaimanapun kata hubung ini tidak semestinya wujud dalam bahasa lisan, apatah lagi ayat ini adalah diucapkan oleh seorang kanak-kanak yang masih berada di tahap pembelajaran dan peringkat pemerolehan bahasa yang masih tidak sempurna sepenuhnya. Berdasarkan pada jenis kata hubung yang sesuai dan maksud yang terkandung di dalamnya, maka ayat ini boleh digolongkan ke dalam golongan ayat majmuk pancangan keterangan sebab musabab.

### Contoh 2

Amin (ujaran 40)

1. / tak sir siup, aku sakit gigi /  
sepatutnya;
2. / taksir siup **sebab** aku sakit gigi /

Ayat di atas merupakan satu bentuk ayat majmuk pancangan sebab musabab kerana ia perlu hadir bersama kata hubung **sebab**. Walaupun kata hubung tidak disebutkan oleh kanak-kanak ini tetapi berdasarkan konteks dan maksud ayat, maka nyata sekali bahawa ayat ini sebenarnya adalah tergolong dalam golongan ayat majmuk pancangan keterangan sebab musabab. Ini adalah kerana berdasarkan konteksnya maka ayat ini adalah bermaksud bahawa kanak-kanak ini menyatakan bahawa beliau tidak mahu meniup bola yang disuruh oleh adiknya sebab dia sebenarnya sakit gigi. Jadi ayat “aku sakit gigi” ini telah menjadi penerang atau alasan (sebab) kenapa sampel ini tidak mahu meniupkan bola untuk adiknya itu. Jelas bahawa kanak-kanak ini tidak mahu menyiup bola kerana beliau sakit gigi. Walau bagaimanapun kanak-kanak ini ternyata tidak menggunakan kata hubung *sebab* atau *kerana* yang sepatutnya digunakan semasa membuat ujaran di atas. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan kanak-kanak ini masih lagi tidak tahu menggunakan kata hubung tersebut. Tetapi apabila ujaran beliau ditranskripsikan dalam bentuk tulisan kehadiran kata hubung ini telah ditandai dengan tanda baca iaitu (,).

#### 4.8. 3 Ayat Majmuk Campuran

Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, yakni yang terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai-bagai jenis ayat majmuk. Ayat ini biasanya

panjang. Di bawah ini ialah contoh ayat majmuk campuran yang terdapat dalam ujaran yang dibuat oleh Amin.

### 1. Amin (ujaran 3)

/ ha...jatuh, dia buat gini, pub jatuh, bakar /

Sebenarnya ayat di atas, jika diteliti dengan betul ia terdiri daripada deretan beberapa jenis ayat majmuk yang telah dicantumkan menjadi satu oleh kanak-kanak. Sebenarnya ayat ini boleh dihubungkan dengan kata hubung tertentu yang sesuai dengan konteks dan maksud atau makna pengucapannya. Walaupun tidak mempunyai kata hubung, tapi kita boleh mengesan kehadirannya jika diubah ayat ini dengan memberikan kata hubung yang sepatutnya wujud dalam ayat di atas berdasarkan maksud yang terkandung di dalamnya. Jika diperhatikan ayat di atas dengan teliti, kita dapat melihat bahawa ayat ini sebenarnya boleh diletakkan kata hubung di tempat-tempat yang ditandai oleh tanda baca (,) kerana dalam dialek Kelantan penuturnya jarang menggunakan kata hubung semasa membuat ujaran, ini menyebabkan bila ujaran yang dibuat itu ditranskripsikan ke dalam bentuk tulisan, ayat ini akan ditandai oleh tanda baca di tempat-tempat yang sepatutnya wujud kata hubung tersebut. Kehadiran kata hubung di tempat-tempat tertentu ini biasanya hanyalah dapat dikesan oleh penutur yang menggunakan dialek yang sama dengan dialek yang digunakan oleh kanak-kanak ini iaitu penutur asli dialek Melayu Kelantan. Oleh itu apabila dimasukkan kata hubung pada tempat-tampat yang ditandai oleh tanda baca (,) seperti di bawah, ia tidak akan membezakan makna ayat tersebut malah ianya

dapat membantu melengkapkan dan menjelaskan lagi maksud asal yang sebenarnya ingin disampaikan oleh kanak-kanak ini. Lihat ujaran yang telah dimasukkan kata hubung di bawah;

2. / ha...kapal terbang jatuh **sebab** dia buat gini **lalu** pub jatuh **dan** terbakar /

Maksud yang terkandung dalam ayat 2 ini adalah sama dengan maksud yang terkandung di dalam ayat 1 di atas. Kata hubung telah dimasukkan ke dalam ayat 2 bagi menjelaskan lagi maksud sebenar ayat, walaupun pada dasarnya makna kedua-dua ayat ini adalah sama, tetapi tujuan pengkaji memasukkan kata hubung ini adalah untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pembaca yang bukan terdiri daripada penutur asli dialek Melayu Kelantan bagi memudahkan pengkaji membuat huraian disamping dapat membantu mempercepatkan kefahaman pembaca sendiri. Sebenarnya ayat 1 itu merupakan ayat majmuk campuran dan mempunyai makna yang sama dengan ayat 2. Keadaan ini tidak akan dapat dikesan oleh pembaca yang tidak bercakap dalam dialek Kelantan. Jelas bahawa ayat 1 di atas iaitu ayat yang diujarkan oleh Amin ini sebenarnya merupakan ayat majmuk campuran dan keadaan ini boleh dilihat dengan jelas berdasarkan ayat 2. Ayat ini dikatakan sebagai ayat majmuk campuran kerana ia terdiri daripada dua ayat majmuk yang telah hadir bersama iaitu ;

- (i) / kapal terbang jatuh **sebab** dia buat gini /
- (ii) / jatuh **dan** terbakar /

Ayat (i) di atas merupakan ayat majmuk pancangan keterangan sebab musabab kerana ia mempunyai kata hubung **sebab**. Manakala ayat (ii) pula merupakan ayat majmuk gabungan kerana ia mempunyai kata hubung **dan**. Jadi ini telah menjelaskan bahawa ayat I yang diujarkan oleh Amin di atas sebenarnya merupakan ayat majmuk campuran kerana ia terdiri daripada deretan beberapa jenis ayat di dalamnya. Keadaan ini mungkin tidak jelas jika pengkaji tidak memasukkan kata hubung ke dalam ayat-ayat tersebut, dan kata hubung ini tidak dimasukkan dengan sewenang-wenangnya atas kehendak pengkaji semata-mata tetapi sebenarnya kata hubung memang wujud dalam pengucapan ayat ini dan hanya dapat dikesan dan dilihat melalui pengalaman dan kebiasaan orang yang mendengarnya.

Berdasarkan analisis data didapati bahawa tidak semua kanak-kanak sampel mampu mengujarkan ayat-ayat majmuk . Misalnya berdasarkan Lampiran 6, jelas kelihatan bahawa Azam langsung tidak mengujarkan sebarang bentuk ayat majmuk berbanding dengan Amin. Keadaan ini mungkin disebabkan Azam masih tidak mampu menguasai bentuk ayat berlapis bahasa Melayu.

#### 4.9 Analisis Kesalahan Pembentukan Ayat

Analisis kesalahan pembentukan ayat juga penting dilakukan ke atas data 50 ujaran yang diucapkan oleh kanak-kanak kerana ia dapat mengukur tahap keupayaan kanak-kanak dalam membuat ayat. Ini penting bagi menilai tahap pemerolehan dan penguasaan sintaksis mereka. Sekiranya kanak-kanak

melakukan banyak kesilapan dalam pembentukan ayat semasa membuat ujaran, ini bermakna bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan sintaksis mereka masih lemah. Analisis kesalahan pembentukan ayat ini dilakukan dengan tujuan untuk melihat bentuk-bentuk kesilapan yang sering dilakukan oleh kanak-kanak semasa mereka membuat ujaran. Kesilapan-kesilapan yang dimaksudkan di sini ialah ayat-ayat yang dibuat biasanya menyalahi hukum-hukum tatabahasa bahasa Melayu.

Berdasarkan analisis ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak di dalam data 50 ujaran yang dirakamkan didapati bahawa ayat-ayat yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini tidak semuanya betul dan menepati hukum-hukum tatabahasa bahasa Melayu. Terdapat juga di antara ayat-ayat yang diujarkan itu yang menyalahi hukum tatabahasa. Antara bentuk-bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh kanak-kanak dalam kajian ini ialah dari segi kesalahan penggunaan kata kerja sama ada kata kerja yang digunakan itu tidak sesuai atau kesalahan menggunakan kata kerja pada permulaan ayat, kesalahan dari segi tidak menggunakan imbuhan pada kata kerja yang sepatutnya menerima imbuhan dan kesalahan dari segi tidak menggunakan kata sendi nama seperti kata sendi nama *ke* dan *di*, di tempat-tempat yang sepatutnya.

#### 4.9.1 Ayat Yang Menggunakan Kata Kerja Yang Salah atau Tidak Sesuai

Terdapat beberapa ayat yang telah diucapkan oleh sampel di dalam data 50 ujaran yang dirakamkan didapati salah dari segi hukum tatabahasa bahasa

Melayu kerana kanak-kanak telah menggunakan kata kerja yang tidak sesuai atau salah dari segi tatabahasa. Misalnya lihat contoh-contoh kehadiran kata kerja dalam ayat-ayat dibawah;

Amin;

1. ujaran 33; . . . / *tepuh* sokmo Ajam /
2. ujaran 41; / *bawak* kereta /

Azam;

- 1.ujaran 41; / *siup* bola nih /

Kata kerja dalam ayat-ayat di atas adalah tidak sesuai digunakan dalam ayat-ayat tersebut mengikut bahasa Melayu standard. Walau bagaimanapun dalam dialek Kelantan penggunaan kata kerja tersebut adalah tidak menyalahi tatabahasa. Ayat-ayat di atas kalau diucapkan dalam bahasa Melayu standard sepatutnya adalah seperti berikut;

1. / *langgar* sokmo Ajam /
2. / *pandu* kereta /
3. / *tiup* bola /

Kesilapan-kesilapan seperti ini sebenarnya terjadi kerana kanak-kanak dalam kajian ini merupakan anak jati negeri Kelantan. Dengan itu apabila mereka berinteraksi, bentuk-bentuk ayat yang dihasilkan juga akan dipengaruhi oleh sistem bahasa dialek Kelantan.

#### 4.9.2 Kesalahan Membuat Ayat Yang Tidak Menggunakan Sistem Imbuhan

Dapatkan kajian mendapati bahawa kesemua ayat-ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam kajian ini tidak menggunakan imbuhan. Cuba lihat antara

contoh-contoh ayat di bawah yang diperolehi daripada data 50 ujaran kanak-kanak;

Amin;

1. ujaran 14; / *gini hak aku* / sepatutnya *begini*
2. ujaran 15; / *gitu dia ambik ga tu* / sepatutnya *begitu*
3. ujaran 45; / *dia nak ghombor dengan benda nih* / sepatutnya *berlumba*

Azam;

1. ujaran 20; / *tauk gerak ghuana?* / sepatutnya *bergerak*
2. ujaran 21; / *Min kita main tanah nak?* / sepatutnya *bermain*
3. ujaran 26; / *dia pun ikat tali* / sepatutnya *mengikat*

Ayat-ayat di atas tidak menggunakan imbuhan pada kata kerja. Imbuhan yang sepatutnya digunakan dalam ayat-ayat tersebut telah digugurkan oleh kanak-kanak sewaktu mereka berinteraksi. Berdasarkan dapatan kajian, didapati kanak-kanak tidak mempunyai kecekapan untuk menggunakan sistem imbuhan sama ada awalan, akhiran, sisipan dan apitan kata nama atau kata kerja. Imbuhan kata nama atau kata kerja yang digugurkan seperti imbuhan MeN-#. Ini kerana sistem pengimbuhan merupakan satu proses pembentukan yang rumit untuk dikuasai dan sering menimbulkan masalah kepada penutur jati bahasa Melayu. Masalah ini timbul kerana pengimbuhan bukan sahaja dapat menghasilkan perubahan bentuk sesuatu kata dasar yang telah dicantumkan dengan imbuhan, tetapi proses ini juga dapat mengubah fungsi dan makna kata terbitan yang dihasilkan dalam satu konstruksi ayat (Juriah Long, 1993). Berdasarkan pendapat ini maka wajarlah kanak-kanak dalam kajian ini tidak berkemampuan untuk

menggunakan imbuhan dalam pertuturan mereka. Ketidakcekapan kanak-kanak menguasai sistem imbuhan bukanlah sesuatu yang luar biasa. Ini kerana berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik tempatan atau barat, mereka mendapati bahawa kanak-kanak agak lambat menguasai sistem imbuhan. Berdasarkan pendapat ahli psikolinguistik yang berasaskan kerangka Jean Piaget, mereka beranggapan bahawa kanak-kanak tidak menggambarkan makna kognitif yang kompleks atau rumit seperti konsep-konsep pengekalan, istilah hubungan dan pemasukan kelas sehingga mereka sampai ke peringkat perkembangan operasi konkrit yakni pada peringkat umur 7-12 tahun (Juriah Long, 1993). Ini bermakna bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak selain daripada dipengaruhi oleh persekitaran adalah juga bergantung kepada perkembangan kognitifnya. Oleh itu, apabila kanak-kanak sampai kepada peringkat umur 7-12 tahun, mereka telah mampu menggambarkan skema kognitif yang kompleks dan mereka juga berkemampuan untuk menghasilkan struktur bahasa yang lebih kompleks.

Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa dalam dialek Kelantan biasanya penutur-penuturnya sering meninggalkan imbuhan semasa membuat ujaran. Misalnya bagi perkataan “membeli” mereka hanya menyebutkan “beli” sahaja. Malah perkataan-perkataan lain juga, seperti “menyanyi” hanya disebut “nyanyi”, “berkelah” hanya disebut “kelah”, “menari” hanya disebut “nari”, “menulis” hanya disebut “nulis” sahaja oleh penutur-penutur asli dialek Melayu Kelantan, bukan sahaja di kalangan kanak-kanak malah orang dewasa juga

melakukan keadaan yang sama. Begitu juga dengan penyebutan perkataan-perkataan lain, didapati bahawa secara keseluruhannya hampir semua kata kerja akan digugurkan imbuhanya semasa mereka bercakap. Ini kerana, walaupun imbuhan tidak diucapkan tetapi kehadirannya tetap jelas wujud melalui penekanan yang dibuat di awal kata (sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini). Oleh itu tidak hairanlah kenapa kanak-kanak dalam kajian ini juga telah melakukan pengguguran ke atas imbuhan semasa membuat ujaran. Oleh kerana kedua-dua kanak-kanak sampel dalam kajian ini adalah anak jati negeri Kelantan, menyebabkan mereka juga terpengaruh dengan sistem bahasa dialek Kelantan yang melingkari persekitaran hidup mereka semasa berkomunikasi. Jadi, salah satu sebab kenapa kanak-kanak dalam kajian ini melakukan pengguguran ke atas imbuhan semasa membuat ujaran adalah kerana mereka banyak dipengaruhi oleh persekitaran bahasa pertama mereka iaitu bahasa Melayu dialek Kelantan. Oleh yang demikian maka tidak dapat dinafikan bahawa peranan persekitaran sememangnya penting dalam mempengaruhi proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak di samping peranan kognitif sebagai faktor pembantu dalam melengkapkan lagi proses pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka.

#### 4.9.3 Kesalahan Membuat Ayat Yang Menggunakan Kata Kerja Pada Awal Ayat

Terdapat ayat-ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam kajian ini yang menggunakan kata kerja pada awal ayat. Keadaan ini menyebabkan ayat-

ayat yang dihasilkan menjadi tidak sempurna dari segi struktur binaannya. Cuba lihat contoh-contoh ayat di bawah;

Amin

1. ujaran 28; / *ambik* bedil pulak / sepatutnya / dia *ambik* bedilpulak /
2. ujaran 8; / *gi* kok nu, bakar / sepatutnya / kapalterbang *gi* kok nu, bakar /
3. ujaran 36; / *ambik* semo / sepatutnya / umi *ambik* semo /
4. ujaran 41; / *bawak* kereta / sepatutnya / aku *bawak* kereta /

Azam

5. ujaran 41; / *siup* bola nih / sepatutnya / Amin *siup* bola nih /

Ayat-ayat di atas tidak sempurna struktur binaannya kerana struktur subjek ayat-ayat tersebut telah digugurkan. Ia sebenarnya menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu kerana pola ayat dasar bahasa Melayu tidak ada ayat yang bermula dengan Frasa Kerja. Kesemua empat pola ayat dasar bahasa Melayu mesti bermula dengan Frasa Nama dan diikuti oleh frasa-frasa lain. Oleh itu, akibat daripada pengguguran ke atas frasa nama dalam ayat-ayat yang diujarkan oleh sampel di atas menyebabkan ayat-ayat ini tergantung atau tidak lengkap. Sepatutnya ayat-ayat di atas mesti dilengkapi dengan unsur-unsur subjek pada awal perkataan sebagaimana yang telah ditunjukkan di sebelahnya.

#### 4.9.4 Kesalahan Membuat Ayat-ayat Yang Tidak Menggunakan Kata Sendi Nama

Terdapat juga ayat-ayat yang diucapkan oleh kanak-kanak di dalam data 50 ujaran yang dirakamkan yang tidak menggunakan kata sendi nama terutamanya kata sendi nama “di” dan “ke” di tempat-tempat yang sepatutnya. Cuba lihat contoh-contoh ayat di bawah;

Amin

1. ujaran 24; / aku nak kelik *situ* / sepatutnya *ke situ*
2. ujaran 48; / hak ni duk *depan*, hak ni duk *belake* / sepatutnya *di depan, di belake*

Azam

- |   |                           |
|---|---------------------------|
| 3. ujaran 23; / umi nak gi <i>mana</i> eh ? /     | sepatutnya <i>ke mana</i> |
| 4. ujaran 29; / umi ambik <i>mana</i> ni robot? / | sepatutnya <i>di mana</i> |
| 5. ujaran 32; / ni robot tak <i>sini</i> /        | sepatutnya <i>di sini</i> |

Daripada contoh-contoh ujaran yang telah diucapkan oleh kanak-kanak sampel di atas (daripada data 50 ujaran), didapati bahawa mereka telah melakukan pengguguran ke atas kata sendi nama khususnya kata sendi nama “di” dan “ke” yang sepatutnya hadir di sebelah perkataan-perkataan yang dicondongkan sebagaimana yang telah ditunjukkan di atas. Hal ini terjadi mungkin disebabkan kanak-kanak dalam kajian ini sebenarnya masih belum dapat menguasai kata sendi nama bahasa Melayu. Walau bagaimanapun hal ini boleh dipertikaikan kerana sebagaimana yang telah diketahui bahawa dalam dialek Melayu Kelantan, biasanya penutur-penutur asli dialek tersebut tidak pernah

menyebutkan kata sendi nama “di” dan “ke” ini bersama-sama dengan perkataan “mana”, “sini”, “situ”, “depan” dan “belakang”. Ini kerana, sama juga halnya dengan system imbuhan, didapati bahawa walaupun kata sendi nama ini tidak disebutkan tetapi kehadirannya tetap dirasai dan ia memang wujud di dalam ujaran iaitu melalui penekanan yang dibuat di awal perkataan-perkataan di atas semasa ia diujarkan (keadaan ini juga telah dibincangkan sebelum ini). Jadi, jika dirujuk pada sistem bahasa dialek Melayu kelantan ternyata bahawa ujaran yang diujarkan oleh kanak-kanak di atas sebenarnya tidak menyalahi tatabahasa dialek Kelantan. Tetapi jika dirujuk pada tatabahasa bahasa Melayu standard ternyata ujaran-ujaran di atas telah menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun kanak-kanak sampel sepatutnya tidak boleh dipersalahkan apabila kesalahan-kesalahan seperti ini berlaku kerana mereka sebenarnya telah dipengaruhi oleh sistem bahasa pertama yang melingkari persekitaran pemerolehan bahasa mereka. Dengan itu, apabila kanak-kanak berinteraksi, ayat-ayat yang mereka hasilkan biasanya akan dipengaruhi oleh sistem bahasa dialek Kelantan.

#### **4.10 Kesimpulan**

Berdasarkan analisis paras sintaksis di atas bolehlah disimpulkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah berjaya menguasai hampir keseluruhan sistem sintaksis bahasa Melayu. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya, didapati bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan sistem sintaksis mereka tidaklah sempurna 100% sebagaimana orang dewasa. Dapatkan

kajian menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan-kelemahan tertentu dalam pemerolehan dan penguasaan paras sintaksis bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini. Misalnya, dari segi pemerolehan pola-pola ayat dasar bahasa Melayu, didapati bahawa walaupun secara keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa kanak-kanak telah mampu menguasai pola-pola ayat dasar bahasa Melayu tetapi penguasaan di peringkat yang asas sahaja. Hal ini jelas kelihatan daripada analisis data didapati bahawa kanak-kanak lebih banyak menghasilkan pola-pola FN + FN dan FN + FK berbanding dengan pola-pola FN + FA dan FN + FSN. Keadaan ini terjadi kerana kanak-kanak lebih cepat menguasai kata nama dan kata kerja yang bersifak konkrit atau nyata iaitu boleh dilihat dengan mata kasar, contohnya seperti "makan", "kereta", "bola" dan sebagainya, berbanding dengan kata adjektif dan kata sendi nama yang bersifat abstrak. Ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa khususnya aspek sintaksis kanak-kanak yang berusia 2.6 dan 3.7 tahun masih tidak sempurna.

Kanak-kanak dalam kajian ini juga dikatakan masih berada dalam tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna sepenuhnya kerana kebanyakan ayat-ayat dasar yang diujarkan adalah terdiri daripada ayat-ayat dasar yang mudah iaitu yang menggunakan kata kerja dalam bentuk unggulan atau akar tanpa sebarang imbuhan atau proses penggandaan. Berdasarkan analisis pemerolehan jenis-jenis ayat pula, didapati bahawa tidak semua jenis-jenis ayat bahasa Melayu telah dikuasai oleh kanak-kanak, khususnya jenis yang kompleks

seperti ayat seruan dan ayat silaan. Jadi, walaupun hampir keseluruhan jenis-jenis ayat bahasa Melayu telah dikuasai oleh kanak-kanak tetapi tidak yang bersifat kompleks. Ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penuasaan bahasa kanak-kanak masih tidak sempurna sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Berko (1958), Donaldson dan Wales (1970), Palermo (1973), Maratsos (1974) dan Vantili (1982) yang mendapati bahawa proses pemerolehan bahasa kanak-kanak yang berumur di bawah lima tahun adalah tidak lengkap dan masih kurang sempurna.

Apa yang begitu jelas sekali dapat dilihat dalam analisis pertuturan kanak-kanak pada paras sintaksis (ayat) ini ialah kebanyakannya mereka (terutamanya yang menggunakan dialek Kelantan) telah membuat ujaran tanpa menggunakan kata hubung walaupun sebenarnya kata hubung sepatutnya hadir dalam konteks ayat tersebut. Ini adalah kerana, dalam dialek Melayu Kelantan tidak semua kewujudan kata hubung itu diucapkan tetapi ada juga kadang-kadang kewujudannya tidak secara lahiriah atau pengucapan tetapi berdasarkan hentian seketika atau kalau dalam bentuk tulisan keadaan ini adalah ditandai dengan tanda baca (,). Walau bagaimanapun kemungkinan juga kanak-kanak ini tidak menggunakan kata hubung di tempat-tempat yang sepatutnya kerana mereka sendiri tidak begitu mahir lagi dalam penggunaan kata hubung ini. Jika mereka meninggalkan kata hubung kerana mereka tidak tahu menggunakannya, ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan dan pemerolehan bahasa mereka masih belum sempurna sepenuhnya.

Walau bagaimanapun secara keseluruhan, bolehlah disimpulkan bahawa tahap pemerolehan dan penggunaan bahasa kanak-kanak pada paras sintaksis ini adalah memuaskan di mana kebanyakan mereka telah tahu membuat ayat yang betul mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu iaitu mempunyai pola-pola yang sama dengan pola-pola ayat dasar bahasa Melayu iaitu ayat-ayat yang mengandungi unsur-unsur Frasa Nama + Frasa Nama , Frasa Nama + Frasa Kerja, Frasa Nama + Frasa Adjektif dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama serta ayat-ayat yang mempunyai susunan subjek dan prediket yang betul. Bagaimanapun kanak-kanak sampel nampaknya lebih cenderung menggunakan pola Frasa Nama + Frasa Kerja + Frasa Nama atau pola subjek + kata kerja + objek. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian yang pernah dibuat oleh Slobin (1973) dan Bloomfield (1970) yang menunjukkan bahawa kanak-kanak meletakkan kata nama atau frasa nama sebelum kata kerja sebagai subjek atau pelaku dalam ayat dan selepas kata kerja diletakkan pula objek atau pelaku (Bloomfield, 1970). Kanak-kanak ini juga telah berjaya membuat ayat yang pelbagai jenisnya seperti ayat-ayat yang terdiri daripada ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah sebagaimana yang terdapat dalam bahasa Melayu. Cuma, yang tidak ada ialah jenis ayat seruan. Mungkin pada peringkat usia kanak-kanak antara 2.6 dan 3.7 tahun ini mereka masih tidak pandai lagi untuk membuat ujaran yang berbentuk ayat seruan. Manakala daripada analisis data didapati bahawa golongan ayat yang paling banyak sekali diujarkan oleh kanak-kanak sampel ialah ayat tunggal atau ayat selapis yang terbit daripada ayat dasar.

Berdasarkan Lampiran 6, jelas kelihatan bahawa peratus penggunaan ayat -ayat selapis yang paling tinggi pada setiap sampel berbanding dengan penggunaan ayat berlapis dan elpsi. Misalnya daripada 50 ujaran yang diambil didapati bahawa Amin telah mengujarkan sebanyak 74 % ayat selapis, 16 % ayat majmuk dan 10 % ayat elpsi. Manakala Azam pula telah mengujarkan sebanyak 86 % ayat selapis, 0 % ayat majmuk dan 14 % ayat elpsi (rujuk Lampiran 6). Berdasarkan Lampiran 6, boleh disimpulkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan sintaksis (ayat) Amin adalah agak baik kerana kadar pengucapan ayat selapis dan ayat majmuk Amin yang tinggi dan kadar membuat ayat elpsi (ayat satu perkataan) yang rendah. Ayat majmuk yang diucapkan oleh beliau juga adalah merangkumi ketiga-tiga bentuk ayat majmuk iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran yang mudah atau asas.

Daripada analisis data didapati bahawa hampir 100% ayat-ayat yang dibuat oleh kanak-kanak sampel di dalam data (Lampiran 1) adalah terdiri daripada ragam ayat aktif iaitu yang mengandungi Frasa Kerja dan diikuti oleh Frasa Nama atau komplemen yang bertindak sebagai objek atau penyambut. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua kanak-kanak sampel mempunyai keupayaan yang sama iaitu penggunaan ayat aktif yang lebih dominan di kalangan mereka berbanding dengan ayat pasif. Ini adalah kerana ayat pasif adalah lebih sukar untuk difahami dan dihasilkan oleh kanak-kanak. Menurut Gough (1965) ayat pasif memerlukan kefahaman morfologis dan penyusunan urutan kata yang baik (Gough, 1965). Dapatan kajian ini mempunyai keselarian dengan kajian

yang telah dibuat oleh Clark (1969) yang mendapati bahawa kanak-kanak di bawah umur 5 tahun mempunyai kecekapan menggunakan bentuk-bentuk transitif (Clark, Herbert dan Eve. v. Clark, 1969).

Secara keseluruhan bolehlah dirumuskan bahawa kanak-kanak sampel mempunyai keupayaan dan kecekapan yang agak menggalakkan dari segi pemerolehan dan penguasaan sintaksisnya. Walau bagaimanapun didapati bahawa sampel tidak banyak memperlihatkan variasi dalam penggunaan struktur dan jenis ayat. Ayat majmuk tidak banyak digunakan jika dibandingkan dengan penggunaan ayat selapis bentuk dasar dan tunggal. Kebanyakan ayat selapis dan ayat berlapis yang digunakan oleh kanak-kanak mengandungi frasa nama untuk benda-benda yang konkrit, tempat, orang dan binatang yang terdapat dalam persekitarannya. Selain daripada unsur frasa nama terdapat juga unsur frasa kerja, frasa sifat, frasa keterangan, frasa bilangan, frasa masa, frasa tunjuk, frasa sebab, frasa arah dan sebagainya. Kebanyakan frasa kerja yang digunakan oleh kanak-kanak sampel adalah dalam bentuk kata kerja akar iaitu tidak ada fungsi berlapis seperti kejar mengejar dan sebagainya. Begitu juga dengan pengucapan ayat majmuk atau ayat berlapis juga adalah dalam bentuk ayat berlapis yang mudah iaitu yang tidak disertai dengan kata hubung dan sebagainya.

## **4.1 ANALISIS PEMEROLEHAN SEMANTIK**

### **4.1.0 Pendahuluan**

Kajian seterusnya terhadap data 50 ujaran kanak-kanak akan dilakukan berdasarkan analisis semantik bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam aspek semantik di kalangan mereka. Dalam menganalisis pemerolehan semantik kanak-kanak, apa yang dipentingkan ialah bahasa yang diketahui dan digunakan oleh kanak-kanak dalam pertuturnya untuk menyampaikan apa yang dihasratkan dan dirasai oleh mereka. Oleh itu dalam kajian ini, apa yang dipentingkan ialah bahasa yang diketahui dan digunakan oleh kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun dalam pertuturnya. Analisis data (50 ujaran) akan dilakukan bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan aspek-aspek semantik bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak dengan cara;

1. Melihat pemerolehan makna perkataan di kalangan kanak-kanak.
2. Melihat Nisbah Jenis Token (NJT) bagi menilai tahap penguasaan perbendaharaan kata kanak-kanak.
3. Analisis kategori-kategori semantik iaitu melihat pemerolehan makna kata oleh kanak-kanak iaitu yang meliputi;
  1. Pemerolehan makna kata nama
  2. Pemerolehan makna kata kerja
  3. Pemerolehan makna kata adjektif
  4. Pemerolehan makna kata tugas

5. Pemerolehan makna perkataan diri sosial dan sebagainya.
4. Melihat pada makna rujukan dan makna relational yang dikuasai.

#### **4. 1. 1 Definisi Dan Latar Belakang Semantik**

Secara umum, semantik ialah ilmu tentang erti atau perubahan erti sesuatu perkataan. Secara khusus pula semantik ialah kajian tentang lambang atau tanda yang menyatakan makna, hubungan antara satu makna dengan makna yang lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat (Darwis Harahap, 1994). Istilah semantik sebenarnya berasal daripada perkataan Yunani kuno iaitu “sema” yang bermaksud *isyarat*. Seterusnya ia menerbitkan kata “semainein” yang mempunyai makna “bererti”. Maka terbitlah istilah semantik yang menamai satu bidang ilmu mengkaji atau menganalisis makna iaitu yang melibatkan kajian makna secara sinkronis (Abdullah Hassan, 1980). Plato dalam bukunya yang bertajuk *Cratylus* telah menggunakan perkataan ‘Semainein’ yang berasal daripada kata dasar ‘sema’ yang bermaksud ‘isyarat’ atau ‘tanda’ dan ‘semainein’ sebagai kata terbitan bermakna ‘memperlihat’ atau ‘menyatakan’. Bunyi bahasa secara tersirat adalah mengandungi makna (Aminuddin, 1985). Manakala Moris pula berpendapat bahawa semantik ialah kajian antara hubungan tanda dengan objek yang merupakan tempat persekitaran tanda tersebut (Tarigan, 1985). Pengkajian makna juga boleh dianggap sebagai satu kajian psikologi di mana kita terpaksa menduga apa yang berlaku dalam otak seseorang itu. Semantik boleh juga

disimpulkan sebagai subbidang linguistik yang mengkaji tentang sifat makna satu-satu kata, frasa dan ayat (Adrian Akmajian, 1995). Bagi Aristotle, perkataan ialah suatu bunyi atau huruf yang terkecil yang mengandungi makna. Makna disamping hadir pada perkataan itu sendiri, mungkin juga hadir akibat hubungan gramatis (Aminuddin, 1985). Bagi de Saussure, bunyi bahasa atau ujaran merupakan penjelmaan makna yang ada dalam pemikiran penutur. Manakala Bloomfield pula berpendapat bahawa makna adalah sesuatu yang tidak mempunyai bentuk, jadi ia hanyalah dapat diamati dan difahami secara dalaman sahaja (Mangantar Simanjuntak, 1987).

Makna dapat dibezakan mengikut dialek dan mengikut penutur individu. Bahasa individu tertentu dikatakan sebagai idiolek. Jadi, makna idiolek sesuatu kata adalah berbeza daripada seseorang kepada seorang yang lain (walaupun di kalangan penutur yang sama). Terdapat beberapa faktor penting dalam menentukan makna seperti faktor pilihan, makna berhubung dengan kebudayaan, makna bergantung kepada konteks, medan makna, pemindahan makna, makna berubah serta hubungan makna dengan tatabahasa. Faktor pilihan penting kerana tanpa pilihan yang tepat maka ucapan atau sesuatu ujaran itu tidak membawa makna. Makna berhubung dengan konteks juga penting kerana biasanya makna sesuatu perkataan itu adalah ditentukan oleh konteks yang berlaku semasa sesuatu perkataan itu diucapkan misalnya, perkataan 'pokok' dalam konteks perbincangan merupakan satu tema masalah, tetapi ada juga pokok dalam maksud pokok yang sebenarnya iaitu tumbuhan.

Medan makna pula melibatkan satu perkataan yang mencakupi banyak perkataan lain yang terlibat atau ditarik masuk ke dalam definisinya. Ia berkaitan dengan penyenaraian perkataan yang merujuk kepada benda-benda atau sesuatu golongan tertentu mengikut medan semantiknya (Abdullah Hassan, 1989). Misalnya perkataan 'universiti' apabila ia disebutkan maka, akan terbayanglah suasana, di dalamnya terdapat dewan kuliah, asrama tempat tinggal pelajar, peralatan belajar dan sebagainya. Makna juga mempunyai struktur, iaitu makna sesuatu kata adalah berhubungan dengan makna kata lain. Contoh perkataan 'adik', mestilah mempunyai pertalian makna dengan perkataan 'abang' atau 'kakak' dan sebagainya. Ada kata-kata yang mempunyai makna yang sama atau sinonim, ada yang mempunyai makna bertentangan, ada yang mempunyai banyak erti dan ada juga yang mempunyai erti yang saling berhubungan antara satu sama lain.

#### **4. 1. 2 Teori-teori Semantik.**

Sejak dilahirkan, bayi menghabiskan sebahagian besar daripada masanya untuk mengamati dan mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat mengenai persekitarannya melalui semua pancainderanya. Piaget menamakan peringkat ini sebagai peringkat deria-motor kerana bayi mengamati dan mengumpulkan maklumat dengan cara berinteraksi dengan persekitarannya. Melalui pengamatan ini bayi akan memperolehi pengetahuan yang akhirnya

mewujudkan erti yang akan dikomunikasikan yang merupakan dasar kepada apa yang disebutkan sebagai pertumbuhan semantik (Mangantar Simanjuntak, 1987).

Dalam perkembangan semantik, kanak-kanak mula-mula berupaya menguasai beberapa patah perkataan dan kemudiannya meluaskan perbendaharaan katanya dengan cepat. Mulanya sepatah perkataan yang mungkin merujuk kepada beberapa benda atau makna. Pada masa ini kanak-kanak sering membuat kesilapan terutamanya ketika memberi makna bagi perkataan-perkataan yang diucapkan. Kesilapan ini merupakan proses semula jadi dalam tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Walau bagaimanapun reaksi daripada persekitaran akan dapat membantu kanak-kanak itu mengenali kesilapan yang dilakukannya dan seterusnya membetulkan kesilapan tersebut. Sebagai hasil interaksi kanak-kanak dengan persekitarannya dalam pelbagai konteks komunikasi, kanak-kanak itu akan mempelajari konsep-konsep daripada yang konkret kepada yang lebih abstrak dan mula menyusun perkataan mengikut kelas-kelas tatabahasa.

Menurut teori semantik moden, erti boleh diterangkan berdasarkan fitur-fitur atau penanda-penanda semantik. Ini bermakna bahawa erti sesuatu kata merupakan gabungan dari fitur-fitur semantik ini. Untuk memahami dengan lebih lanjut tentang pemerolehan semantik, di bawah ini akan dibincangkan secara ringkas teori-teori mengenainya.

#### **4. 1. 2. 1 Teori Hipotesis Fitur Semantik**

Menurut ahli-ahli teori ini, kanak-kanak memperolehi erti sesuatu kata dengan cara menguasai fitur-fitur semantik kata itu satu demi satu sampai semua fitur semantik itu tercapai seperti yang dikuasai oleh orang dewasa. Clark (1973a) telah menyebutkan teori ini sebagai "*Semantic Feature Hypothesis*" (Hipotesis Fitur Semantik), dengan memberikan contoh bahawa pada mulanya kanak-kanak yang berbahasa Inggeris menyebutkan semua binatang berkaki empat ialah "doggie" atau "kitty" kerana pada mulanya mereka hanya menguasai beberapa fitur sahaja, iaitu "*nonhuman*," "*animal*," dan "*four-legged*". Strategi seumpama ini sebenarnya disebutkan sebagai perluasan makna. Keadaan ini sama dengan kajian yang telah dibuat oleh Abdul Aziz Sharif terhadap anaknya yang berusia 3 tahun 7 bulan didapati anaknya telah menyamakan antara cicak dengan buaya yang mempunyai fitur-fitur seperti berikut; [+empat kaki], [+panjang] dan [+ekor panjang]. Oleh kerana hanya beberapa fitur semantik yang dipakai oleh kanak-kanak untuk memperolehi erti kata pada peringkat permulaan ini iaitu antara usia kanak-kanak setahun (1;0) hingga dua tahun setengah (2;6) yang didasarkan kepada pengertian maklumat, maka pemanjangan berlebihan daripada erti-erti ini tidak dapat dielakkan dan merupakan ciri khas proses pemerolehan erti oleh kanak-kanak (Clark, E. 1973b). Apabila orang dewasa mengucapkan kata-kata yang membawa gambaran atau fitur-fitur baru dalam konteks dan persekitaran yang diketahui oleh kanak-kanak, maka pengertian maklumat ini akan menolongnya

memperolehi erti kata-kata itu dan memahami maksud atau perbezaannya berdasarkan bentuk, saiz, bunyi, rasa, gerak dan lain-lain lagi dari perkataan yang baru diperkenalkan itu. Lama-kelamaan fitur-fitur semantik lain pula dikuasai sehingga pada umur tertentu kanak-kanak ini telah mampu membezakan antara "doggie" dengan "kitty".

Demikian juga dengan keadaan yang disebutkan sebagai "*under-extension*" (penyempitan makna) berlaku apabila beberapa kata dianggap sebagai *nama diri (proper names)* oleh kanak-kanak. Dalam hal ini sebenarnya kanak-kanak kurang pendedahan terhadap contoh-contoh yang sesuai dengan konteks bagi perkataan yang dipakai itu, sehingga kanak-kanak tidak dapat menarik fitur-fitur yang secukupnya untuk memanjangkan kata itu kepada benda lain.

Selain daripada erti kata-kata terpisah, kanak-kanak juga harus menguasai atau memperolehi kata-kata yang bergabung dalam medan-medan semantik (satu medan erti) iaitu sekumpulan kata-kata yang berkaitan di dalam erti dapat dimasukkan. Misalnya dalam bahasa Melayu kata-kata "mendapat", "menerima", "memberi", "mengambil", "menjumpai" merupakan kata-kata yang berkaitan kerana masing-masing berhubungan dengan konsep milik. Secara kasar perkembangan erti kata-kata ini dapatlah disimpulkan ke dalam empat peringkat iaitu;

1. Peringkat penyempitan makna kata; (1; 0-1;6)

Pada peringkat ini kanak-kanak berusia antara satu hingga satu setengah tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini hanya menganggap satu benda yang tertentu

dicakup oleh satu makna yang seolah-olah menjadi nama diri benda itu. Contohnya ialah persamaan antara “doggie” dan “kitty”.

2. Peringkat perluasan makna berlebihan; (1;6-2;6).

Pada peringkat ini kanak-kanak mulai meluaskan makna sesuatu kata secara berlebihan. Jadi yang dimaksudkan dengan “doggie” dan “kitty” ini ialah semua haiwan yang berkaki empat.

3. Peringkat medan semantik; (2;6-5;0)

Pada peringkat ini kanak-kanak mulai menggolongkan kata-kata yang berkaitan satu sama lain ke dalam satu medan semantik.

4. Peringkat generalisasi (5;0-seterusnya)

Pada peringkat ini kanak-kanak telah mulai mampu mengenal benda-benda yang sama dari sudut persepsi, iaitu benda-benda itu mempunyai fitur-fitur semantik yang sama. Ia semakin sempurna apabila kanak-kanak semakin matang. Misalnya, ketika berumur antara 5;0 dan 7;0 kanak-kanak telah mampu mengenali maksud perkataan haiwan iaitu semua binatang (Mangantar Simanjuntak, 1987).

#### **4. 1. 2. 2 Teori Hipotesis Hubungan-hubungan Tatabahasa**

Teori ini telah diasaskan oleh Mc Neill pada versi kuat Hipotesis Nurani yang disebut sebagai Hipotesis Nurani Bahasa (HNB). Menurut HNB, kanak-kanak pada waktu lahir telah dilengkapi secara semulajadi dengan **hubungan-hubungan tatabahasa dalaman yang nurani**. Oleh itu pada awal proses

pemerolehan bahasa, kanak-kanak telah berusaha membentuk satu **kamus erti-ayat** iaitu setiap *erti leksikon* dicantumkan dengan semua hubungan tatabahasa yang dipakai oleh kanak-kanak secara lengkap pada peringkat satu kata (holofrasa). Pada peringkat ini juga kanak-kanak dikatakan masih belum dapat menguasai fitur-fitur semantik. Apabila kanak-kanak mencapai peringkat dua kata (berusia lebih kurang 2 tahun) barulah mereka menguasai kamusnya berdasarkan *hubungan erti kata* menjadi **kamus erti-kata** untuk menggantikan kamus erti-ayat di atas.

#### 4. 1. 2. 3 Teori Hipotesis Generalisasi

Teori ini telah diperkenalkan oleh Anglin (1975 dan 1977) dengan mencadangkan bahawa perkembangan semantik kanak-kanak mengikuti satu proses generalisasi iaitu kebolehan kanak-kanak melihat hubungan-hubungan semantik di antara nama-nama benda (kata-kata) bergerak daripada yang konkret kepada yang abstrak. Pada peringkat permulaan pemerolehan semantik, kanak-kanak hanya mampu menyedari hubungan-hubungan konkret yang khusus di antara benda-benda. Apabila umur mereka semakin bertambah, kanak-kanak mulai membuat generalisasi terhadap kategori-kategori abstrak yang lebih besar. Misalnya, pada awal perkembangan semantik kanak-kanak telah mengetahui kata-kata 'mawar', 'melati', melalui hubungan-hubungan konkret di antara kata-kata nama ini dengan bunga-bunga tersebut. Pada peringkat selanjutnya setelah kanak-kanak semakin matang, dia akan

menggolongkan pula kata-kata ini dengan item leksikon yang lebih tinggi tarafnya melalui generalisasi, iaitu 'bunga'. Pada peringkat selanjutnya generalisasi ini semakin meningkat seirama dengan meningkatnya umur kanak-kanak, dan kanak-kanak telah bijak menggolongkan antara 'bunga' dengan 'tumbuh-tumbuhan'.

#### **4. 1. 2. 4 Teori Hipotesis Primitif-primitif Sejagat**

Teori ini didasarkan pada HNB dan diperkenalkan oleh Postal (1966) dan dikembangkan oleh Bierwisch (1970) dengan cara yang lebih terperinci. Postal menyarankan bahawa semua bahasa di dunia ini dilandasi oleh satu set primitif-primitif semantik sejahtera yang nurani dan rumus-rumus untuk menggabungkan primitif-primitif ini dengan item-item leksikon. Dalam pemerolehan erti, kanak-kanak tidak perlu mempelajari komponen-komponen erti itu kerana komponen-komponen ini telah sedia ada secara semulajadi dan yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak ialah hubungan-hubungan komponen-komponen ini dengan milik-milik fonologi dan sintaksis bahasanya.

#### **4. 1. 3 Analisis Semantik**

##### **4. 1. 3. 1 Pemerolehan Makna Perkataan Kanak-kanak**

Kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak pada paras semantik akan dimulakan dengan melihat pada tahap pemerolehan makna perkataan di kalangan kanak-kanak. Ia juga merujuk

kepada kemampuan kanak-kanak menggunakan bahasa dalam bentuk ujaran yang mempunyai makna berdasarkan lingkungan pengalaman, pemahaman dan tanggapan sendiri yang berbeza daripada sistem orang dewasa. Bahasa yang diperolehi ini ialah merujuk kepada bahasa semula jadi (*innate*) iaitu merujuk kepada kebolehan bahasa yang dipercayai oleh Chomsky dan pengikut-pengikutnya yang dimiliki oleh setiap orang semenjak ia dilahirkan lagi. Kebolehan ini selalunya disebut sebagai *competence*. Bahasa yang menjadi rujukan terhadap analisis perkembangan bahasa kanak-kanak ialah berdasarkan bahasa ibu iaitu bahasa pertama yang menjadi alat pertuturan ibu dan bapa kanak-kanak tersebut (Abdul Rashid Ali, 1991).

Sejak dilahirkan, si bayi terus berusaha untuk berkomunikasi dengan orang lain. Maksud komunikasi di sini ialah menyampaikan dan menerima sesuatu mesej walaupun tanpa menggunakan bahasa. Contohnya apabila terasa lapar, bayi akan menangis dan sewaktu senang beliau akan ketawa. Kanak-kanak juga terus mengamati persekitarannya melalui pancaingeranya tanpa disedari sejak ia dilahirkan lagi. Pengetahuan yang diperolehi daripada pengamatan ini akan mewujudkan erti-erti yang akan dikomunikasikan yang merupakan dasar daripada apa yang disebutkan sebagai pertumbuhan semantik. Dengan kata lain erti-erti inilah yang akan dikomunikasikan dan pertumbuhan semantik tidak lain daripada penyediaan pengumpulan erti-erti ini untuk tujuan berkomunikasi.

Bahasa dan kanak-kanak dianggap bermula dengan pemerolehan perkataan-perkataan pertama. Walau bagaimanapun tidak ada satupun definisi yang lengkap atau yang sesuai untuk menghuraikan tentang pemerolehan perkataan ini. Ingram (1989) telah mencadangkan mana-mana di antara definisi-definisi berikut boleh digunakan untuk dijadikan sebagai definisi bagi membincangkan tentang pemerolehan makna perkataan oleh kanak-kanak.

Antara definisi-definisi yang telah dicadangkan oleh Ingram ialah;

- (i) Seseorang kanak-kanak itu dikatakan telah memperolehi makna sekiranya mereka faham sedikit (tidak faham sepenuhnya) tentang makna sesuatu perkataan yang terdapat dalam bahasa orang dewasa walaupun kefahaman itu adalah berubah-ubah.
- (ii) Seseorang kanak-kanak itu telah memperolehi makna perkataan jika kefahaman tentang satu-satu perkataan bagi mereka adalah hampir sama dengan makna yang didapati dalam bahasa orang dewasa.
- (iii) Seseorang kanak-kanak itu dikatakan telah memperolehi makna perkataan jika mereka tahu menggunakan satu vokalisasi dalam konteks yang konsisten.
- (iv) Seseorang kanak-kanak itu dikatakan telah memperolehi makna perkataan jika mereka telah pandai menghasilkan satu perkataan dalam konteks yang konsisten.
- (v) Kanak-kanak juga dikatakan telah memperolehi makna perkataan jika mereka telah memahami dan tahu menggunakan satu perkataan seperti orang dewasa.

(vi) Kanak-kanak juga dikatakan telah memperolehi makna perkataan jika mereka faham dan boleh menggunakan serta menyebut satu perkataan seperti orang dewasa.

Selain daripada melihat definisi di atas untuk dijadikan sebagai ukuran dalam membuat penilaian tentang pemerolehan makna perkataan bagi seseorang kanak-kanak, isu lain yang juga perlu ditimbangkan ialah seperti isu kefahaman lawan penghasilan bahasa misalnya, melihat apakah kanak-kanak memahami apa yang dituturkannya itu. Apakah kanak-kanak tersebut membuat ujaran yang sesuai dengan konteks atau tidak. Jika ucapan yang dibuat oleh kanak-kanak itu sama dengan konteks, bermakna mereka memahami apa yang telah mereka tuturkan itu, dan ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah baik. Tetapi jika ujaran yang dibuat adalah tidak sama antara konteks dengan produksi atau penghasilan bahasa mereka, maka ini bermakna bahawa tahap penguasaan makna perkataan yang masih lemah kerana mereka tidak memahami apa yang mereka tuturkan dan ini menggambarkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang masih rendah.

Daripada analisis data didapati bahawa kebanyakan ujaran yang dibuat oleh sampel adalah sesuai dengan konteks. Semua ucapan yang dibuat adalah sama antara apa yang dimaksudkan dengan apa yang diperkatakan dan merangkumi apa yang terjadi semasa ujaran tersebut diujarkan. Jadi ini menunjukkan yang kanak-kanak sampel telah memahami makna setiap ujaran

yang dihasilkan itu. Cuba lihat ujaran yang dibuat oleh Amin dan Azam di dalam data (rujuk lampiran satu), didapati bahawa hampir keseluruhan ujaran yang dibuat adalah merujuk pada makna yang sama dengan konteks atau apa yang berlaku pada masa itu. Misalnya dalam ujaran nombor 2, Amin telah memberitahu ibunya tentang *kapal terbang* terhadap satu gambar objek yang pada masa itu dilihatnya di dalam televisyen (pada masa itu menyiarkan gambar sebuah kapal terbang terhempas) dengan mengatakan 'katarebe mek'. Ini menunjukkan bahawa memang ada hubungan yang tepat di antara makna perkataan 'katarebe' yang dihasilkan dengan gambar 'kapal terbang' yang dilihat oleh kanak-kanak ini sewaktu ujaran tersebut dibuat. Seterusnya Amin telah menyatakan bahawa kapal terbang itu besar, terjatuh dan terbakar yang semuanya memang mempunyai hubungan yang tepat di antara makna perkataan yang dituturkan oleh kanak-kanak ini dengan konteks atau apa yang berlaku pada masa itu. Ini membuktikan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang baik kerana beliau telah dapat menguasai makna perkataan yang diujarkan dan hubungannya dengan situasi sebenar.

Begitu juga dengan ujaran yang dibuat oleh Azam pada ujaran nombor 1 (situasi 4), beliau mengatakan "takdak tayar dia takdak" sambil menunjukkan pada kereta mainannya yang tidak mempunyai tayar belakang. Jelas bahawa kanak-kanak ini telah membuat ujaran yang sama dengan konteks sebenar atau apa yang dilihatnya berlaku di hadapan matanya pada masa ujaran tersebut

dituturkan. Ini menunjukkan bahawa wujud keselarian di antara pemahaman kanak-kanak ini dengan produksi bahasanya.

Dalam meneliti pemerolehan makna perkataan di kalangan kanak-kanak bagi menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka, aspek seterusnya yang perlu diberikan pertimbangan ialah tentang tahap vokalisasi antara orang dewasa dengan kanak-kanak iaitu membandingkan sebutan sesuatu perkataan yang diujarkan antara orang dewasa dan kanak-kanak bagi melihat tahap keupayaan kanak-kanak tersebut menghasilkan bahasa sama ada betul atau tidak sebutannya. Misalnya seperti perkataan "katabe" dalam ujaran yang dibuat oleh Amin iaitu "katabe mek" dalam ujaran nombor 2 (rujuk lampiran 1). Perkataan "katabe" yang diucapkan oleh Amin ini ialah merujuk kepada *kappal terbang* yang sering diucapkan oleh orang-orang dewasa yang menggunakan dialek Melayu Kelantan sebagai "kapaterebe". Jadi di sini menunjukkan wujud perbezaan dalam sebutan pertuturan di antara kanak-kanak ini dengan orang-orang dewasa yang menggunakan bahasa yang sama dengan beliau iaitu dialek Melayu Kelantan. Keadaan ini mungkin disebabkan kanak-kanak ini masih "pelat" dalam membuat sebutan perkataan. Begitu juga dengan ujaran yang dibuat oleh Azam pada ujaran nombor 13 (situasi 4) iaitu; "/ Min loli/ / loli /", ujaran nombor 40 iaitu ; "/ Mi holor gotu tuh alfomen nuh /" dan ujaran nombor 49 (situasi 4) ; "/ tak itu nuh koputer umi /". Dalam ujaran-ujaran ini didapati wujud perbezaan di antara sebutan perkataan yang dibuat oleh kanak-kanak ini dengan sebutan orang-orang

dewasa yang menggunakan dialek Melayu Kelantan pada perkataan-perkataan seperti perkataan “*loli*” yang bermaksud *lori* juga disebut sebagai *lori* oleh orang dewasa dalam dialek Kelantan, begitu juga dengan perkataan “alfomen” (ultrament) yang biasanya disebut sebagai “ultrament” oleh orang-orang dewasa yang bercakap dalam dialek Kelantan, dan perkataan “komputer” yang disebut “komputer” oleh orang dewasa. Ini menunjukkan adanya perbezaan dalam sebutan pertuturan di antara ujaran yang dibuat oleh orang dewasa dengan kanak-kanak ini. Walau bagaimanapun makna rujukannya tetap sama. Keadaan perbezaan ini terjadi mungkin disebabkan di peringkat awal pemerolehan bahasa dan makna perkataan, kanak-kanak ini masih kurang mahir atau masih “pelat” dalam menyebutkan perkataan.

#### **4. 1. 3. 2 Analisis Nisbah Jenis Token (NJT)**

Tujuan analisis Nisbah Jenis Token (NJT) ini dibuat ialah untuk melihat tahap penguasaan perbendaharaan kata di kalangan kanak-kanak sampel, iaitu jika NJT kanak-kanak adalah tinggi maka ia bermakna bahawa tahap penguasaan perbendaharaan kata mereka adalah baik kerana dalam pengiraan NJT ini tidak mengambil kira perkataan-perkataan yang diulang oleh kanak-kanak, jadi ia dapat menggambarkan tahap penguasaan kata yang sebenarnya bagi kanak-kanak. Ini adalah kerana NJT yang tinggi menunjukkan bahawa kanak-kanak sentiasa menghasilkan perkataan-perkataan baru setiap kali membuat ujaran dan bukannya hanya mengulang perkataan yang sama sahaja.

Sebaliknya jika Nisbah Jenis Token seseorang kanak-kanak itu adalah rendah, maka ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai perbendaharaan kata yang sedikit kerana beliau banyak membuat pengulangan terhadap perkataan yang sama semasa membuat ujaran. Keadaan ini menunjukkan tahap penguasaan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak yang masih lemah. Ini penting dalam kajian semantik kerana apabila seseorang kanak-kanak itu mempunyai tahap penguasaan perbendaharaan kata yang tinggi, maka ia bermakna bahawa kanak-kanak telah dapat memahami dan menguasai makna-makna perkataan dengan baik dan ini terbukti melalui kemampuan kanak-kanak menggunakan semula perkataan-perkataan tersebut dalam situasi yang betul. Keupayaan kanak-kanak menghasilkan perkataan-perkataan yang bermakna menunjukkan bahawa kanak-kanak ini telah dapat menguasai makna perkataan tersebut atau dengan kata lain kanak-kanak ini telah mampu menguasai semantik bahasa ibundanya itu. Ini selaras dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh De Saussure (1853-1913) yang menyatakan bahawa bunyi bahasa atau ujaran yang diucapkan oleh seseorang kanak-kanak itu merupakan penjelmaan makna yang ada dalam fikiran si penuturnya (Darwis Harahap, 1994). Analisis NJT akan dilakukan terhadap kanak-kanak berdasarkan cara pengiraan seperti di bawah;

- (a) ambil 50 ujaran
- (b) kira jumlah perkataan
- (c) kira jumlah perkataan yang berbeza dalam keseluruhan ujaran yang dibuat oleh sampel

$$(d) \text{ NJT} = c/b$$

Sampel	<u>NJT = Jumlah perkataan berbeza</u> Jumlah perkataan
Amin	<u>81</u> 191 = 0.4
Azam	<u>66</u> 173 = 0.3

Jadual 12: Jadual menunjukkan Nisbah Jenis Token setiap sampel berdasarkan data 50 ujaran yang diambil

Hasil pengiraan di atas didapati bahawa NJT Amin ialah sebanyak 0.4 dan NJT Azam ialah 0.3. Perbezaan nilai NJT ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan perbendaharaan kata Amin adalah lebih baik daripada Azam. Ini sesuai dengan perbezaan usia di antara mereka iaitu Amin lebih tua daripada Azam. Dapatkan ini membuktikan bahawa proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak sebenarnya meningkat mengikut perkembangan usia kanak-kanak tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan keselaruan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Wood (rujuk Bab 2) iaitu pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah selari dengan perkembangan biologinya.

Analisis di atas juga menunjukkan bahawa walaupun jumlah keseluruhan perkataan yang diujarkan oleh Amin adalah tinggi iaitu berjumlah 191 patah perkataan, namun daripada jumlah tersebut hanya terdapat sebanyak

81 patah perkataan berbeza sahaja. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini telah melakukan banyak pengulangan terhadap perkataan yang sama semasa membuat ujaran. Oleh itu jumlah perkataan berbeza yang diucapkan adalah kecil iaitu tidak sampai separuh daripada jumlah keseluruhan perkataan yang dituturkan. Begitu juga dengan Azam, didapati bahawa walaupun beliau seorang yang verbal kerana mempunyai jumlah keseluruhan perkataan yang diujarkan adalah tinggi iaitu berjumlah 173 patah perkataan, namun daripada jumlah tersebut hanya terdapat sebanyak 66 patah perkataan yang berbeza sahaja. Jadi selebihnya ialah perkataan yang diucapkan secara berulangan oleh kanak-kanak. Keadaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua sampel kanak-kanak dalam kajian ini telah membuat banyak pengulangan terhadap perkataan yang sama dalam satu-satu ujaran menyebabkan jumlah perkataan berbeza adalah sedikit dan ini telah mempengaruhi nilai NJT yang diperolehi kerana pengulangan terhadap perkataan yang sama tidak diambil kira dalam pengiraan NJT bagi mendapatkan tahap penguasaan perbendaharaan kata yang sebenarnya di kalangan kanak-kanak sampel. Biasanya kanak-kanak yang banyak membuat pengulangan terhadap perkataan yang telah diujarkannya menggambarkan bahawa beliau masih lagi mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa khususnya pemerolehan perbendaharaan kata yang masih lemah. Dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan perbendaharaan kata bagi kanak-kanak yang berumur 2-3 tahun adalah masih kurang sempurna sepenuhnya kerana mereka sebenarnya masih berada di tahap awal proses

pemerolehan dan penguasaan bahasa. Jadi, sudah pasti dalam tahap awal proses pemerolehan bahasa ini kanak-kanak kerap membuat pengulangan terhadap perkataan-perkataan yang sama dalam ujaran-ujaran yang dihasilkan kerana pengulangan yang dibuat ini sebenarnya adalah sebagai satu bentuk strategi latihan bagi mereka bagi mempercepatkan lagi proses pemerolehan dan penguasaan bahasanya. Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh pelopor-pelopor Teori Behaviourisme yang mengatakan bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh alam sekitar, iaitu kanak-kanak belajar berbahasa daripada data yang didengar dan kemudiannya akan diulang semula beberapa kali sehinggalah beliau mencapai tahap pemerolehan bahasa yang biasa atau normal (rujuk Bab Dua). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, nilai NJT yang diperolehi oleh Amin telah mengatasi nilai NJT Azam sebanyak 0.1. Jadi ini membuktikan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah berlaku selari dengan perkembangan biologi dan usia mereka. Keputusan ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Wood (rujuk para 2.3 Bab 2) yang mendapatkan bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah berlaku selari dengan pertumbuhan biologi dan usia mereka.

Walau bagaimanapun daripada jumlah keseluruhan perkataan yang dihasilkan oleh kedua-dua kanak-kanak ini, jelas menunjukkan kedua-duanya merupakan sampel yang verbal. Terutamanya Azam, walaupun usianya jauh lebih muda daripada Amin, tetapi beliau telah mempunyai jumlah keseluruhan

perkataan yang tinggi iaitu tidak jauh berbeza dengan jumlah keseluruhan perkataan yang telah diujarkan oleh Amin. Didapati bahawa jumlah perkataan berbeza dan jumlah perkataan yang diucapkan dalam 50 ujaran yang dituturkan oleh Azam adalah tidak selari dengan perbezaan usianya dengan Amin. Ini menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang sampel yang amat verbal. Hal ini terjadi mungkin disebabkan beliau sendiri banyak dipengaruhi oleh Amin iaitu abangnya yang merupakan orang yang paling rapat dengan beliau dan sentiasa bermain bersama beliau menyebabkan bentuk-bentuk ujaran yang dibuat oleh Amin telah ditirunya (telah dibincangkan dalam Bab Tiga) dan ini telah membantu beliau mengalami perkembangan yang cepat dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa. Selain itu daripada analisis data didapati bahawa beliau juga banyak membuat peniruan terhadap ujaran yang dibuat oleh ibunya (rujuk para 3.1.6) dan ini juga telah membantu beliau dalam proses pemerolehan bahasanya. Ini membuktikan bahawa persekitaran bahasa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa serta tahap verbal atau bukan verbalnya seseorang kanak-kanak itu. Dapatan ini sebenarnya selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Bernstein (1961) bahawa bahasa kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran (Bernstein, 1969). Begitu juga dengan hasil kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain seperti yang dibuat oleh Well (1981 dan 1985), Snow (1972), New port dan Gleitman (1979) dan Ringler (1978) telah membuktikan bahawa proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan

kanak-kanak adalah akibat daripada interaksi antara penjaga dengan kanak-kanak.

#### **4. 1. 3. 3 Analisis Semantik Berdasarkan Kategori Semantik**

Analisis data 50 ujaran kanak-kanak bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka akan diteruskan dengan melakukan analisis berdasarkan kategori-kategori semantik. Analisis ini dilakukan untuk melihat keupayaan subjek dalam menguasai makna pelbagai golongan kata seperti golongan kata nama , kata kerja, kata adjektif dan kata tugas seperti kata sendi nama, kata penegas (partikel), kata hubung, kata bilangan, kata nafi, kata bantu dan kata arah. Analisis semantik terhadap perkataan-perkataan yang diperolehi dan dikuasai oleh kanak-kanak ini akan dilakukan berdasarkan kategori-kategori semantik yang telah dikemukakan oleh Nelson (1973). Nelson telah membuat analisis tentang perkataan yang telah diperolehi oleh kanak-kanak dalam kajianya. Antara kategori-kategori yang terdapat ialah *golongan kata nama, golongan kata perbuatan, golongan kata kerja, golongan kata adjektif, golongan kata tugas, perkatan-perkataan diri sosial dan golongan kata ganti nama* (Chomsky, N., 1969).

##### **4. 1. 3. 3. 1 Pemerolehan Makna Kata Nama**

Kata nama adalah adalah kata yang boleh berfungsi sebagai subjek dan predikat dalam sesuatu ayat. Dari segi makna, kata nama adalah kata yang

merujuk kepada sesuatu iaitu baik yang bernyawa, konkrit ataupun yang abstrak (Asmah Haji Omar, 1993). Golongan kata nama boleh dikelompokkan berdasarkan ciri-ciri makna perkataan kepada tiga kumpulan iaitu (i) kata nama khas, (ii) kata nama am, dan (iii) kata ganti nama. Di bawah akan diuraikan secara terperinci golongan-golongan kata nama yang tersebut di atas.

#### 4. 1. 3. 3. 1.1 Pemerolehan Makna Kata Nama Khas

Kata nama khas mendukung makna rujukan yang khusus pada sesuatu nama orang, bahasa, pangkat, haiwan, benda, perbadanan (institusi), undang-undang, bangsa dan seumpamanya. Kata nama khas ini pula boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kata nama khas hidup dan kata nama khas tak hidup. Kata nama khas hidup pula boleh dibahagikan lagi kepada kata nama khas hidup manusia dan kata nama khas hidup bukan manusia. Kata Nama Khas hidup manusia ialah kata nama yang terdiri daripada perkataan yang merujuk kepada nama manusia seperti Amin, Azam, Ajid dan sebagainya. Kata nama khas hidup bukan manusia pula terdiri daripada perkataan yang merujuk kepada benda-benda yang hidup tetapi bukan manusia seperti malaikat, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seumpamanya. Manakala kata nama khas tak hidup pula adalah terdiri daripada perkataan yang merujuk pada benda-benda yang khusus tetapi bukan manusia misalnya seperti benda, institusi, negara, tempat, bangsa, bahasa, pangkat, undang-undang, dan seumpamanya.

Daripada analisis data didapati bahawa kedua-dua sampel ada membuat ujaran yang terdiri daripada perkataan-perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama khas ini, iaitu kata nama yang tergolong dalam kata nama khas hidup manusia. Misalnya Amin telah menyebutkan dua jenis kata nama khas iaitu lebih kurang 1% daripada keseluruhan perkataan yang diucapkan oleh beliau adalah terdiri daripada kata nama khas hidup manusia iaitu kata nama *Azam* dan *Amin* yang disebutkan sebanyak 2 kali dalam data. Tetapi tidak terdapat satu jenis pun kata nama khas hidup bukan manusia dan kata nama khas tak hidup. Azam juga hanya mengucapkan satu jenis sahaja kata nama khas iaitu kata nama yang tergolong dalam kumpulan kata nama khas hidup manusia iaitu kata nama *Amin* yang telah disebutkan sebanyak 9 kali dan lebih kurang 5% daripada keseluruhan perkataan yang telah diujarkan.

Hasil dapatan di atas menunjukkan bahawa kedua-dua sampel telah menguasai golongan kata nama khas hidup manusia. Ini menunjukkan bahawa mereka telah memahami ciri-ciri semantik yang didukung oleh golongan kata tersebut. Walau bagaimanapun didapati bahawa kedua-dua sampel dalam kajian ini hanya menyebutkan kata nama khas hidup manusia sahaja dan nama-nama yang disebutkan itu adalah yang merangkumi orang-orang yang ada di persekitaran mereka iaitu orang-orang yang ada dekat dengan mereka pada masa itu. Keadaan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak telah membuat ujaran yang berdasarkan konteks semata-mata. Oleh itu walaupun daripada hasil analisis data didapati kedua-dua sampel ini tidak mengucapkan langsung kata

nama yang tergolong dalam golongan kata nama khas hidup bukan manusia dan kata nama khas tidak hidup, ini bukan bermakna bahawa mereka tidak tahu sepenuhnya makna dan ciri-ciri semantik bagi golongan kata tersebut. Misalnya berdasarkan pengalaman pengkaji di luar kajian terhadap Amin dan Azam yang merupakan anak pengkaji sendiri didapati bahawa, Amin pernah menyebutkan kata nama khas tak hidup seperti perkataan “Kota Bharu” semasa pengkaji membawa beliau ke Kota Bharu. Beliau juga sering mengajak ibunya pergi ke “Bachok” untuk bermain di pantai. Begitu juga jika pengkaji membawa beliau menghantar neneknya ke stesyen bas, beliau sering bertanya sama ada neneknya itu hendak pergi ke Seremban atau ke Kuala Lumpur. Ini menunjukkan bahawa Kanak-kanak ini sebenarnya tahu dan pandai menuturkan kata nama khas tidak hidup (seperti nama-nama bandar di atas), cuma tidak terdapat di dalam data mungkin kerana ia tidak sesuai dengan konteks semasa rakaman tersebut dibuat. Azam juga pernah menyebut perkataan Kota Bharu, Bachok terutamanya apabila abangnya Amin menyebutkan perkataan-perkataan tersebut beliau pasti akan mengikutnya. Jadi, di sini bolehlah disimpulkan bahawa kedua-dua sampel ini sebenarnya tahu menyebutkan kata nama khas tidak hidup walaupun didapati perkataan-perkataan jenis itu tidak terdapat di dalam data. Tetapi perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama khas hidup manusia tidak pernah diucapkan oleh kedua-dua sampel ini walaupun di luar kajian. Mungkin kerana pada tahap usia 2.6 dan 3.7 tahun ini kanak-kanak masih belum dapat memahami makna dan belum dapat menguasai ciri-cirj

semantik yang didukung oleh golongan kata tersebut kerana mereka sendiri tidak pernah didedahkan dengan golongan kata itu, berbeza dengan golongan kata nama khas hidup manusia dan kata nama khas tidak hidup yang sering digunakan oleh orang-orang dewasa di sekeliling mereka dalam percakapan sehari-hari menyebabkan kanak-kanak sering mendengar dan akhirnya menguasai ciri-ciri semantik golongan kata tersebut. Keadaan ini menunjukkan sebenarnya persekitaran memainkan peranan penting dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak.

Jadi bolehlah disimpulkan di sini bahawa kedua-dua sampel tahu menyebutkan perkataan-perkataan yang tergolong dalam kata nama khas hidup manusia dan juga golongan kata nama khas tidak hidup. Ini bermakna bahawa mereka telah menguasai ciri-ciri semantik yang didukung oleh golongan kata tersebut menyebabkan mereka memahami maksud dan kegunaan perkataan-perkataan itu. Tetapi kanak-kanak ini mungkin masih tidak tahu menggunakan dan tidak memahami tentang perkataan-perkataan yang tergolong dalam kumpulan kata nama khas hidup bukan manusia kerana mungkin disebabkan mereka tidak pernah mendengarnya atau pun kerana mereka tidak pernah didedahkan dengan perkataan-perkataan dan situasi yang sesuai dengan penyebutan perkataan-perkataan tersebut menyebabkan mereka tidak dapat menguasai ciri-ciri semantiknya.

#### 4. 1. 3. 3. 1.2 Pemerolehan Makna Kata Nama Am

Kata nama am ialah perkataan yang merujuk kepada benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya. Ia juga boleh dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil berdasarkan ciri makna perkataannya iaitu hidup atau tak hidup, manusia atau bukan manusia. Daripada data didapati bahawa kedua-dua sampel ada mengucapkan kata nama am dan golongan yang paling dominan sekali ialah golongan kata nama am tak hidup.

Daripada analisis data didapati bahawa golongan kata nama am yang paling banyak disebutkan oleh Amin ialah golongan kata nama am tak hidup iaitu sebanyak 17 kali atau lebih kurang 9% daripada keseluruhan perkataan yang telah diujarkan oleh beliau (rujuk jadual pada Lampiran 4). Didapati bahawa sebanyak sebelas jenis kata nama am tak hidup yang telah diucapkan oleh beliau iaitu *pistol, kapal terbang, air, tahi, tayar, kereta, bedil, gigi, sodok (jentolak), motor chopper dan bola*. Manakala golongan kata nama am hidup manusia pula hanyalah terdapat sebanyak empat jenis atau 5 % sahaja iaitu *mek, orang, abang, umi* dan terdapat sebanyak dua jenis kata nama am hidup bukan manusia yang telah diucapkan oleh beliau iaitu *ayam dan kucing*. Jadi keseluruhan kata nama am yang telah disebutkan oleh kanak-kanak ini daripada keseluruhan kata (191 buah perkataan) ialah sebanyak 29 buah perkataan atau sebanyak 19%.

Azam pula telah membuat sebanyak 16 % golongan kata yang termasuk dalam golongan kata nama am tak hidup (rujuk jadual pada Lampiran 4) seperti

*kapal terbang, bola, sodok (jentolak), loli (lori), pasir, kereta, muttor chopper, nacik (nasi), tali, robot, alfomen (ultraman), keropok dan koputer (komputer).* Manakala perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama am hidup manusia ada sebanyak empat jenis atau 4% iaitu *polis, umi, pa dan abang*. Tetapi tidak terdapat satu pun jenis kata yang tergolong dalam golongan kata nama am hidup tidak manusia. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 21 % daripada keseluruhan kata yang diucapkan oleh kanak-kanak ini adalah terdiri daripada kata nama am.

Boleh dikatakan bahawa semua sampel tahu mengujarkan kata-kata yang tergolong dalam golongan kata nama am ini sama ada kata nama am hidup ataupun yang tidak hidup. Keadaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua sampel telah memahami tentang konsep atau ciri-ciri semantik yang didukung oleh golongan kata nama am ini. Cuma dalam golongan kata nama am hidup bukan manusia sahaja yang kurang sekali, malah Azam langsung tidak mengucapkannya di dalam data. Walau bagaimanapun keadaan ini terjadi bukanlah kerana beliau tidak tahu tapi kerana beliau tidak mempunyai konteks yang sesuai yang boleh meransangkan kanak-kanak ini mengucapkan kata nama am hidup bukan manusia ini semasa rakaman dibuat. Didapati bahawa sampel lebih banyak mengujarkan kata-kata yang tergolong dalam golongan kata nama am tak hidup. Ini berlaku mungkin disebabkan kanak-kanak membuat ujaran yang berdasarkan konteks, di mana hampir 70 % masa rakaman dibuat ialah semasa mereka sedang bermain dengan alat-alat

permainan menyebabkan hampir separuh daripada jumlah perkataan yang disebutkan oleh kanak-kanak adalah terdiri daripada nama-nama barang permainan mereka.

#### 4. 2. 3. 3. 1.3 Pemerolehan Makna Kata Ganti Nama

Kata ganti nama ialah perkataan yang menjadi pengganti pada kata nama khas dan kata nama am. Kata ganti nama boleh dibahagikan lagi kepada dua golongan kecil, iaitu ganti nama tunjuk dan ganti nama diri. Ganti nama diri ini pula boleh dibahagikan kepada kata ganti nama diri orang, ganti nama diri tanya dan kata ganti nama tunjuk.

##### (i) Kata Ganti Nama Diri

Kata ganti nama ini terbahagi kepada dua golongan iaitu kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang.

##### (a) Kata Ganti Nama Diri Tanya

Kata ganti nama jenis ini ialah perkataan yang merujuk kepada benda atau orang dalam bentuk tanya. Ada tiga jenis kata ganti nama diri tanya iaitu *apa* (*yang merujuk kepada benda atau perkara*), *siapa* (*yang merujuk kepada orang*) dan *mana* (*yang merujuk kepada benda atau orang*). Daripada data didapati bahawa Amin telah mengucapkan satu jenis kata ganti nama diri Tanya sahaja iaitu perkataan *mana*, manakala Azam pula telah menyebutkan dua jenis kata ganti nama diri tanya iaitu *apa* dan *mana*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua sampel kanak-kanak ini telah menguasai ciri-ciri dan

konsep-konsep semantik yang didukung oleh golongan kata ganti nama diri Tanya ini walaupun tidak sesempurna orang dewasa kerana mereka sebenarnya masih berada di tahap awal proses pemerolehan makna kata.

#### (b) Kata Ganti Nama Diri Orang

Kata ganti nama jenis ini mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga. *Ganti nama diri orang pertama ialah saya, aku, beta, patik, kami dan kita.* *Ganti nama diri orang kedua pula ialah anda, engkau, awak dan kamu.* Manakala *ganti nama diri orang ketiga pula ialah ia, dia, mereka, dan -nya.* Data menunjukkan bahawa terdapat ketiga-tiga jenis kata ganti nama diri orang seperti yang telah diterangkan di atas di dalam ujaran yang dibuat oleh Amin iaitu *aku, mu (kamu)* dan *dia* (rujuk lampiran). Manakala daripada data ujaran yang dibuat oleh Azam pula didapati bahawa terdapat hanya dua jenis kata ganti nama diri orang ini iaitu kata ganti nama diri orang pertama *aku, kita* dan kata ganti nama diri orang kedua iaitu *mu (kamu)*.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sampel telah menguasai ciri-ciri dan konsep-konsep semantik yang didukung oleh golongan kata ganti nama diri orang ini walaupun tidak sepenuhnya kerana pada tahap usia 2.6 -3 tahun kanak-kanak sebenarnya masih mengalami tahap pemerolehan semantik yang tidak sempurna sepenuhnya sebagaimana penguasaan semantik orang-orang dewasa.

## (ii) Kata Ganti Nama Tunjuk

Kata ganti nama tunjuk ialah perkataan yang menjadi pengganti pada kata nama dan mendukung maksud yang menunjukkan benda atau perkara yang dirujukan itu. Ada dua jenis kata ganti nama tunjuk iaitu *ini* untuk menunjukkan pada yang dekat dan *itu* untuk menunjukkan pada yang jauh. Daripada data 50 ujaran yang dibuat oleh kedua-dua sampel ini, didapati terdapat penggunaan kata ganti nama tunjuk *itu* dan *ini*. Dapatkan menunjukkan bahawa kanak-kanak telah menguasai ciri-ciri dan konsep-konsep semantik yang didukung oleh kata ganti nama tunjuk *itu* dan *ini* sehingga membolehkan mereka menggunakan dalam konteks yang betul.

Daripada analisis pemerolehan makna kata nama di atas secara keseluruhannya bolehlah disimpulkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah memahami ciri-ciri semantik yang didukung oleh perkataan-perkataan yang tergolong dalam kata nama. Walau bagaimana pun tidak semua golongan kata nama ini dikuasai oleh mereka kerana pada tahap usia kanak-kanak antara 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini kanak-kanak sebenarnya masih berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna sepenuhnya. Oleh hal yang demikian maka tidak hairanlah kenapa tidak semua ciri-ciri dan konsep-konsep semantik bagi perkataan-perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama ini dapat dikuasai oleh mereka misalnya seperti golongan kata nama khas hidup bukan manusia dan sebagainya. Walau bagaimanapun golongan kata nama yang paling dominan sekali terdapat dalam ujaran kanak-

kanak dalam kajian ini ialah golongan kata yang tergolong dalam golongan kata nama am (lihat perbincangan di atas) kerana kebanyakan ujaran dibuat oleh kanak-kanak adalah berdasarkan konteks iaitu apa yang berlaku dan apa yang ada di persekitaran mereka pada masa itu (iaitu pada masa rakaman dibuat).

#### **4. 1. 3. 3. 2 Pemerolehan Makna Kata Kerja**

Kata kerja berfungsi pada prediket dalam ayat subjek-predikat. Secara ringkasnya kata kerja ialah kata yang mendukung makna yang merujuk kepada sesuatu perbuatan atau parlakuan. Daripada analisis data didapati bahawa kedua-dua sampel dalam kajian ini telah menguasai ciri-ciri dan konsep-konsep semantik yang didukung oleh golongan kata kerja atau perbuatan ini. Ini jelas dilihat melalui analisis data didapati bahawa kanak-kanak sampel banyak membuat ujaran yang mengandungi kata kerja atau pun kata perbuatan. Misalnya Amin telah mengujarkan lebih kurang 18 jenis perkataan perbuatan. Di antara perkataan-perkataan perbuatan yang telah diujarkan oleh Amin ialah *jatuh, buat, bakar, naik tinggi, gi kok mu (pergi sebelah sana), lepar (lempar), ambik (ambil), cekeh (ketuk kepala), pergi, cium, nak kelik (balik), tolak, tanya, tepuh (langgar), siup, bawak (bawa), berlumba, gerak (bergerak) dan litah (melintas)*. Manakala Azam pula telah mengujarkan sebanyak 15 jenis perkataan perbuatan iaitu *gi (pergi), ambik (ambil), siup, cuah, buh (bubuh atau masukkan), taruh (simpan), gerak (bergerak), main*.

*(bermain), make (makan), parking, ikat tali, tinggal, holor (hulur), letak dan mandi.*

Berdasarkan analisis data di atas ternyata bahawa kedua-dua sampel telah membuat begitu banyak perkataan perbuatan dan semua perkataan tersebut ternyata mempunyai persamaan dengan makna yang dirujuk atau perlakuan yang berlaku. Ini menunjukkan bahawa semua sampel telah pandai menghubungkan perbuatan yang dilihatnya dengan perkataan-perkataan perbuatan yang diberikan pada setiap lakuan tersebut. Sebenarnya keupayaan merujukkan nama perbuatan dengan setiap perbuatan yang berlaku secara tepat dan betul adalah bergantung kepada pengalaman dan kebiasaan seseorang itu mendengar perkataan tersebut dan melihat perbuatan itu dilakukan secara serentak dengan penyebutannya oleh orang-orang yang lebih dewasa daripada beliau. Ini membuktikan bahawa kedua-dua sampel telah memperolehi makna kata kerja dan menguasai ciri-ciri dan konsep-konsep semantik yang didukung oleh golongan kata ini. Ini kerana, sabagaimana kata nama, ciri-ciri semantik kata kerja juga merupakan golongan kata yang paling mudah dikuasai oleh kanak-kanak. Ini kerana kata-kata yang tergolong dalam golongan kata kerja adalah terdiri daripada kata-kata yang mendukung makna yang konkret atau nyata iaitu erti-erti bagi perkataan-perkataan tersebut mudah dirujuk atau maknanya dapat dilihat dengan nyata melalui perbuatan yang dilakukan misalnya perkataan "makan", "minum", "tidur" dan sebagainya. Ciri-ciri semantik kata kerja yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak dalam kajian ini,

ialah terdiri daripada kata kerja yang biasa digunakan oleh kanak-kanak berdasarkan persekitaran hidup mereka sehari-hari.

#### **4. 1. 3. 3. 3 Pemerolehan Makna Kata Adjektif**

Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat. Dalam ayat, kata adjektif ini berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi suatu kata nama atau frasa nama seperti perkataan “hijau”, “biru” dan “besar” dalam rangkai kata “buku hijau”, “langit biru” dan “rumah besar”(Arbak Othman, 1989). Kata adjektif biasanya menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif (Nik Safiah Karim, 1994). Walaupun golongan kata adjektif tidak mempunyai subgolongan yang ketara, namun berdasarkan kriteria makna, kita dapat membahagikan kata adjektif kepada sekurang-kurangnya sembilan jenis iaitu kata adjektif sifat, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif waktu, kata adjektif jarak, kata adjektif cara, kata adjektif perasaan dan kata adjektif pancaindera. Tetapi di dalam data pengkaji dapatil Amin hanya mengucapkan beberapa jenis kata sifat sahaja seperti perkataan *tinggi, sedap, lapar dan sakit*. Kesemuanya berjumlah lebih kurang 13 %. Azam pula telah mengujarkan lebih kurang 7 % atau tiga jenis kata adjektif sahaja iaitu perkataan *comel, licin dan banyak*.

Daripada analisis di atas, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini hanya dapat menguasai sebahagian kecil sahaja bentuk-bentuk kata adjektif bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-

kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun sebenarnya hanya mampu menguasai sebahagian kecil sahaja golongan kata ini. Keadaan ini menggambarkan bahawa mereka masih tidak dapat menguasai dan memahami dengan sepenuhnya ciri-ciri semantik yang didukung oleh kata adjektif ini. Ini adalah kerana kata adjektif sebenarnya mempunyai ciri-ciri semantik yang abstrak dan amat sukar untuk difahami dan dikuasai oleh kanak-kanak. Walau bagaimanapun didapati bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah pun menguasai sedikit ciri-ciri semantik bahasa Melayu walau pun tidak sepenuhnya. Keadaan ini sebenarnya selari dengan usia kanak-kanak sampel ini sendiri kerana pada usia 2.6 dan 3.7 tahun ini kanak-kanak sebenarnya masih berada dalam proses pembelajaran bahasa, jadi sudah tentulah tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada usia ini juga adalah masih kurang sempurna sepenuhnya.

#### **4. 1. 3. 3. 4 Pemerolehan Makna Golongan Kata Tugas**

Kehadiran kata tugas dalam ayat tidak berfungsi sebagai unsur inti dalam sebarang predikat, baik pradiket frasa nama, predikat frasa kerja, mahupun predikat frasa adjektif. Kata-kata tugas ialah sejenis perkataan yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendepan, pembantu, penegas, penafi, pemberar, dan lain-lain .

Daripada 50 ujaran yang dibuat oleh Amin, didapati bahawa terdapat beberapa golongan kata tugas yang digunakan oleh beliau seperti penggunaan kata sendi nama *kat* yang bermakna *di-* dan kata sendi nama *dengan*. Terdapat juga penggunaan kata partikel seperti *-pun* dan *-lah*. Selain itu terdapat juga penggunaan kata bilangan seperti *semo (semua)* dan *dua*. Kata hubung sebab juga sebenarnya digunakan oleh beliau walaupun secara kasar kehadirannya tidak dapat dilihat dengan mata kasar dalam transkripsi ujaran kanak-kanak (data). Misalnya, lihat ujaran pada nombor 40 (dalam data) yang dibuat oleh Amin; / tak sir siup, aku sakit gigi /. Sebenarnya dalam ujaran di atas terkandung kata hubung sebab yang menghubungkan antara perkataan *taksir siup* dan perkataan *aku sakit gigi*. Walaupun tidak diucapkan tapi ia tetap hadir dan ini dapat dikesan berdasarkan nada suara dan hentian yang dibuat oleh kanak-kanak tersebut di antara perkataan *siup* dan *aku* itu. Keadaan ini mungkin tidak jelas kepada pembaca yang bukan terdiri daripada penutur asli dialek Kelantan kerana hanya penutur yang bercakap dalam dialek yang sama dengan kanak-kanak ini sahaja yang sedar akan kehadiran kata hubung *sebab* di atas. Inilah perbezaan yang ketara di antara dialek Kelantan dan bahasa standard. Terdapat juga penggunaan kata arah seperti perkataan *depan, sini (di sini), situ (di situ), belake (belakang)* dan *kok nu (ke sana)* yang telah digunakan oleh kanak-kanak ini dalam data.

Manakala daripada data 50 ujaran yang dibuat oleh Azam pula didapati bahawa beliau telah menggunakan beberapa jenis kata tugas seperti

penggunaan kata sendi nama *di-*, kata penegas atau partikel *-pun* dan *-lah*, kata bilangan *semo (semua)*, *sa (satu)* dan *banyak*. Selain itu sampel ini juga ada menggunakan kata arah seperti perkataan-perkataan *di sini*, *bawah* dan *kat (dekat)*. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah pun menguasai ciri-ciri semantik golongan kata tugas walaupun hanya sebahagian sahaja iaitu kanak-kanak masih tidak mampu untuk menguasai secara keseluruhan bentuk-bentuk kata yang tergolong dalam golongan kata tugas ini. Hal ini adalah kerana kata tugas sebenarnya mendokong makna yang abstrak tidak seperti kata nama yang bersifat konkret dan nyata. Ini menyebabkan kanak-kanak sukar menguasai bentuk-bentuk kata tugas dan akhirnya situasi ini juga telah melambatkan proses pemerolehan golongan kata ini di kalangan kanak-kanak jika dibandingkan dengan golongan kata nama.

#### **4. 1. 3. 3. 5 Perkataan Diri Sosial**

Perkataan diri sosial terdiri daripada perkataan-perkataan seperti *ya*, *tidak*, *mahu*, *bye-bye* dan lain-lain lagi. Daripada penelitian yang dibuat terhadap data pengucapan bahasa kanak-kanak didapati bahawa semua kanak-kanak sampel telah membuat ujaran-ujaran yang mempunyai perkataan diri sosial. Didapati bahawa Amin telah membuat lebih kurang 10 % dan Azam pula telah membuat lebih kurang 7 % perkataan diri sosial.

Daripada keseluruhan analisis kategori-kategori semantik di atas bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan makna kata di kalangan kanak-kanak, didapati bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah memahami ciri-ciri semantik yang didokong oleh setiap perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama berbanding dengan golongan kata lain. Ini adalah kerana kata nama merupakan kata yang membawa erti atau konsep yang maujud atau nyata (konkrit) iaitu sesuatu yang dapat dilihat atau disentuh dan makna perkataan-perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama ini sebenarnya dapat dirujuk terus kepada benda atau konsep yang didukung oleh perkataan tersebut. Berbeza dengan golongan kata adjektif dan kata tugas yang agak lambat dikuasai oleh kanak-kanak kerana golongan kata ini sebenarnya mempunyai ciri-ciri semantik yang abstrak atau mujarad dan ia amat sukar untuk dikuasai oleh kanak-kanak. Walau bagaimana pun golongan kata nama yang paling banyak sekali dikuasai oleh kanak-kanak ialah golongan kata nama am iaitu yang merujuk kepada benda-benda yang ada di sekitar mereka pada masa ujaran dibuat iaitu yang paling banyak ialah kata nama yang merangkumi barang-barang permainan kanak-kanak seperti "kereta", "motor", "bola", "ultraman", "lori", "tayar", "bedil" dan sebagainya lagi.

Berdasarkan analisis di atas, bolehlah digolongkan kedua-dua sampel dalam kajian ini ke dalam golongan kanak-kanak referensial (rujukan) kerana mereka telah menggunakan lebih banyak kata yang tergolong dalam golongan kata namaan am berbanding dengan perkataan diri sosial. Didapati bahawa

bahasa yang digunakan oleh sampel dalam kajian ini adalah lebih berpusat kepada menamai (*naming*) dan bukannya berpusat pada perkataan diri sosial. Penggolongan ini dibuat berdasarkan pembahagian yang dibuat oleh Nelson, yang telah membahagikan kanak-kanak dalam kajiannya itu kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kanak-kanak ekspresif dan kumpulan kanak-kanak referensial. Kanak-kanak yang termasuk dalam golongan ekspresif biasanya hanya menggunakan setengah daripada jumlah perkataan yang terdiri daripada golongan kata namaan am yang digunakan oleh kanak-kanak referensial tetapi mereka menggunakan lebih banyak perkataaan-perkataan diri sosial. Manakala kanak-kanak referensial pula biasanya menggunakan dua kali ganda jumlah namaan am tetapi sedikit sahaja perkataan diri sosial.

Berdasarkan analisis terhadap perkataan yang paling biasa digunakan oleh kanak-kanak Ingram telah menunjukkan bahawa kelas-kelas perkataan yang paling besar sekali digunakan ialah perkataan makanan, minuman, binatang, pakaian, alat permainan dan kenderaan. Tetapi daripada data didapati bahawa kanak-kanak dalam kajian ini lebih banyak mengucapkan perkataan yang berkaitan dengan kenderaan dan alat permainan. Ini merupakan situasi biasa di kalangan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak ini adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak lelaki, jadi ini menyebabkan mereka lebih berminat pada kenderaan dan alat-alat permainan yang juga terdiri daripada kenderaan seperti kereta, motor chopper, lori, jentolak, tayar, kapal terbang dan lain-lain. Apatah lagi ujaran diambil semasa mereka sedang

bermain alat-alat permainan. Jadi konteks telah mempengaruhi jenis perkataan yang diujarkan oleh seseorang itu.

#### **4. 1. 3. 4 Analisis Pemerolehan Makna Rujukan**

Istilah makna rujukan berkontras dengan denotasi, digunakan dengan cara yang lebih bermanfaat tetapi dalam pengertian yang lebih luas. Rujukan melibatkan hubungan antara unsur-unsur linguistik, ayat dan lain-lain dengan dunia pengalaman bukan linguistik. Sedangkan erti berkaitan dengan sistem perhubungan yang kompleks yang berlaku antara unsur-unsur linguistik itu sendiri (kebanyakannya kata) (Abdullah Hassan, 1989). Rujukan juga membincangkan hubungan di antara bahasa dan dunia pengalaman bukan bahasa, dengan tujuan menerangkan hubungan-hubungan dalam bahasa. Ramai orang memikirkan bahawa makna itu sebahagian besarnya atau keseluruhannya adalah berkenaan dengan hubungan antara bahasa dengan dunia bahasa itu digunakan. Dengan kata lain apabila kita membincangkan tentang makna rujukan, kita tidak dapat lari daripada konteks. Ini adalah kerana tiap-tiap perkataan mempunyai lebih daripada satu makna. Misalnya perkataan rumah boleh merujuk kepada pelbagai bentuk dan rupa rumah. Bagi perkataan-perkataan yang mempunyai kesamaran makna pula kita akan merujuk kepada konteks kerana makna akan dapat dijelaskan dengan tepat oleh konteks yang mengiringi perkataan tersebut. Noam Chomsky (1975) berpendapat bahawa erti sesuatu ayat itu ditentukan oleh struktur permukaan dan konteks (persekitaran) apabila ayat itu digunakan. Jadi konteks menjadi

perujuk yang dapat menjelaskan lagi kepada kita tentang makna sesuatu perkataan dengan tepat (Darwis Harahap, 1994).

Didapati bahawa semua ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak di dalam data adalah mempunyai konteks yang sesuai yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan setiap apa yang diujarkan adalah tidak lari daripada konteksnya.

Contoh yang dapat dilihat daripada ujaran sampel ialah:

Konteks	Ujaran
Amin dan ibu menonton televisyen yang menyiarkan berita kapal terba terhempas	- / katabe mek / (kapal terbang mek)
Amin melihat gambar kapal terbang yang sedang terbang di udara dan kemudiannya menjunam jatuh dan terbakar	- / ha...jatuh dia buat gini pub jatuhbakar / (ambil menunjukkan aksi kapal terbang jatuh)
	- / emm bakar / (terbakar)
	- / mek atabe naik tinggi mek,tinggal semua oghe /

Jadual 13: Jadual menunjukkan makna rujukan atau konteks bagi perkataan kapal terbang yang telah diujarkan oleh Amin (dalam data 50 ujaran yang diambil (rujuk Lampiran 1)).

Konteks	Ujaran
Azam menunjukkan pada Sebuah kapal terbang mainan	- / nu katarebe nu / (itu kapal terbang)
Azam memegang jentolak mainan	- / sodok / (jentolak)
Azam menunjukkan lori mainann yang dipenuhi dengan muatan pasir	- / Min aku nak cuah mana eh pasir nih? /
Azam menunjukkan jari ke arah sebuah motorsikal mainan yang besar	- / nu mutor chopper /
Azam memegang sebuah kereta mainan	-ni kereta aku ni

Jadual 14: Jadual menunjukkan sebahagian daripada ujaran yang dibuat oleh azam yang menyamai konteks atau makna rujukan bagi setiap perkataan yang diujarkannya itu.

Dapatan di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak sampel dalam kajian ini telah dapat menghubungkan perkataan-perkataan yang diujarkan dengan konteks yang berlaku pada masa itu. Ini membuktikan bahawa kanak-kanak telah menguasai dan memahami ciri-ciri semantik semua perkataan yang diperolehinya sehingga mereka dapat menggunakan semula perkataan-perkataan tersebut dalam konteks yang betul.

#### **4. 1.3. 5 Pemerolehan Perkataan yang Membawa Makna Relasional**

Makna Relasional mewakili konsep atau penghubung abstrak seperti perkataan-perkataan berikut *selepas, sebentar, lepas nih (selepas ini), besok, bila besar, sekejap, cepat, lambat* dan sebagainya yang terdapat dalam ujaran yang dibuat oleh sampel. Ia melibatkan perkataan-perkataan yang bersifat abstrak seperti masa dan perasaan yang diucapkan oleh kanak-kanak. Perkataan relasional ini bolehlah dikatakan sebagai melibatkan isu-isu yang kompleks dan kebolehan kognitif seseorang kanak-kanak itu. Penggunaan makna relasional yang berkaitan dengan konsep masa dan perasaan seperti *sebentar, sekejap, lama, selepas ini, nanti besar dan sakit, suka, sedap, comel* dan sebagainya adalah menunjukkan bahawa kanak-kanak telah dapat menguasai bahasa ibundanya sendiri termasuklah menguasai konsep-konsep yang abstrak, yang tidak boleh diperhatikan dengan pancaindera tetapi dikuasainya melalui penelitian dan pengalaman yang dilalui oleh kanak-kanak itu dalam konteks yang sebenarnya.

Daripada data didapati bahawa kedua-dua sampel telah pandai menyebutkan perkataan-perkataan yang mempunyai makna relasional. Jadi ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak ini adalah berada dalam tahap yang memuaskan kerana mereka telah menguasai ciri-ciri semantik yang didokong oleh perkataan-perkataan yang membawa makna relasional. Ini adalah kerana perkataan-perkataan ini sebenarnya berupa konsep dan mempunyai maksud yang abstrak dan ia adalah yang begitu sukar difahami dan dikuasai berbanding dengan perkataan-perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama.

#### **4. 1. 4 Keadaan “Perluasan Berlebihan” dan “Penyempitan Berlebihan”**

##### **di Kalangan Sampel**

Dari segi makna perkataan, didapati bahawa makna bagi satu-satu perkataan yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini adalah lebih terhad daripada makna-makna yang digunakan oleh orang-orang dewasa terhadap satu-satu perkataan yang sama. Contohnya daripada ujaran 1 yang dibuat oleh Amin iaitu / *mek nak ato* /, didapati bahawa kanak-kanak ini memanggil ibunya (pengkaji) dengan nama *mek*. Sedangkan dalam ujaran nombor 7 yang dibuat oleh beliau, iaitu /*mek atabe naik tinggi mek, tinggal semua oghe* /, Amin telah memanggil neneknya dengan panggilan *mek* juga kerana pada masa itu Amin bersama dengan neneknya sedang menonton televisyen dan percakapannya itu adalah antara dia dan neneknya dan bukannya

dengan ibunya. Didapati bahawa Amin telah menggunakan panggilan yang sama antara ibu dan neneknya iaitu dengan panggilan *mek*. Ini menunjukkan berlakunya penyempitan makna perkataan bagi kanak-kanak ini di mana beliau membuat panggilan yang sama terhadap dua orang yang mempunyai status yang berbeza bagi beliau. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan latar belakang beliau yang dibesarkan oleh neneknya dan tidak tinggal bersama dengan ibunya menyebabkan beliau telah mengganggap nenek itu sebagai ibu. Panggilan *mek* dibuat kerana beliau sering mendengar ibunya memanggilkan *mek* kepada neneknya menyebabkan pada fahaman beliau, beliau sepatutnya memanggilkan neneknya dengan panggilan *mek* juga. Jadi ini menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran adalah penting dalam membantu pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak serta pembentukan bahasa di kalangan mereka. Walau bagaimanapun didapati bahawa kanak-kanak ini hanyalah memanggil *mek* kepada ibu dan neneknya sahaja dan tidak kepada perempuan-perempuan lain yang ditemuinya. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini sebenarnya telah faham tentang hubungan kekeluargaan yang erat di antara kedua-dua wanita tersebut dengan beliau iaitu ibu dan neneknya dalam konteks yang sebenar. Ini bermakna bahawa kanak-kanak ini faham tentang kewujudan pertalian antara dirinya dengan kedua-dua wanita itu yang paling rapat dengan dirinya berbanding dengan wanita-wanita lain. Oleh itu beliau telah menunjukkan kefahaman ini melalui perkataan kerana beliau sendiri nampaknya telah menguasai makna perkataan ini yang secara abstrak telah

menunjukkan kefahaman beliau terhadap hubungan tersebut. Pemahaman kanak-kanak terhadap konsep ini sebenarnya adalah kerana dibantu oleh pengalamannya sendiri melalui pemerhatian yang dibuat terhadap alam sekelilingnya. Keadaan ini juga menunjukkan berlakunya “*penyempitan berlebihan*” pada ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak ini.

Daripada analisis data didapati bahawa Azam juga telah melakukan keadaan “*perluasan berlebihan*” semasa membuat ujaran. Misalnya lihat ujaran nombor 9 yang dibuat oleh beliau; /eh...boya/ (menunjukkan pada gambar biawak yang disiarkan di kaca tv). Keadaan ini menunjukkan bahawa Azam masih tidak dapat membezakan antara biawak dan buaya yang sebenarnya mempunyai fitur-fitur semantik yang hampir sama. Dapatkan ini sebenarnya selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli Teori Hipotesis Fitur Semantik yang meletakkan kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun di bawah peringkat *pemanjangan berlebihan atau generalisasi berlebihan*, iaitu pada peringkat ini kanak-kanak mulai memanjangkan erti sesuatu kata secara berlebihan (Mangantar Simanjuntak, 1987).

Ahli-ahli Teori Hipotesis Fitur semantik mengatakan bahawa keadaan “*perluasan berlebihan*” dan “*penyempitan berlebihan*” ini berlaku sebenarnya disebabkan pada tahap awal pemerolehan bahasa, kanak-kanak hanya menguasai beberapa fitur semantik sahaja oleh itu keadaan “*perluasan berlebihan*” dan “*penyempitan berlebihan*” ini sering berlaku. Ini adalah kerana, dalam perkembangan semantik, kanak-kanak pada mulanya hanya

berupaya menguasai beberapa patah perkataan sahaja dan kemudiannya meluaskan perbendaharaan katanya dengan cepat. Mulanya sepatah perkataan yang mungkin merujuk kepada beberapa benda atau makna. Pada masa ini kanak-kanak sering melakukan kesilapan terutamanya ketika memberikan makna rujukan terhadap perkataan-perkataan yang diucapkan. Tetapi hasil daripada reaksi persekitaran telah membantu kanak-kanak mengenali kesilapan-kesilapan yang dibuat dan seterusnya mereka dapat membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut.

#### **4. 1. 5 Kesimpulan**

Berdasarkan analisis pada paras semantik di atas, bolehlah disimpulkan di sini bahawa secara kasarnya kanak-kanak dalam kajian ini telah menguasai paras semantik bahasa Melayu walau pun masih tidak sempurna sepenuhnya. Misalnya, daripada analisis terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan makna perkataan di kalangan sampel, didapati bahawa kedua-dua kanak-kanak dalam kajian ini telah mampu menghubungkan makna perkataan yang diucapkannya dengan kontekst yang berlaku pada masa ujaran tersebut dibuat. Dapatkan ini menjelaskan bahawa kanak-kanak telah memahami ciri-ciri dan konsep-konsep semantik semua perkataan-perkataan yang diujarkan oleh mereka dan ini terbukti melalui kemampuan kanak-kanak mengujarkannya dalam konteks dan rujukan yang sebenar.

Manakala daripada analisis NJT pula didapati bahawa walaupun kanak-kanak dalam kajian ini telah mampu menghubungkan perkataan-perkataan yang diucapkan dengan konteks yang sebenar, namun dari segi penguasaan terhadap perbendaharaan kata ternyata mereka masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Ini terbukti melalui analisis NJT yang dilakukan terhadap ujaran yang telah dibuat oleh mereka, didapati bahawa hasil dapatan yang diperolehi telah menunjukkan bahawa kedua-dua sampel dalam kajian ini sebenarnya masih mengalami tahap pemerolehan perbendaharaan kata yang kurang memuaskan kerana mereka sering melakukan pengulangan terhadap bentuk-bentuk perkataan yang sama semasa membuat ujaran. Ini menyebabkan jumlah perkataan berbeza daripada keseluruhan 50 ujaran yang dibuat oleh kedua-dua sampel adalah kecil jumlahnya, walaupun jumlah keseluruhan perkataan yang diucapkan dalam 50 ujaran yang dihasilkan adalah tinggi. Didapati bahawa jumlah perkataan berbeza yang diperolehi daripada keseluruhan 50 ujaran itu tidak sampai pun separuh daripada keseluruhan perkataan yang diujarkan. Keadaan ini sebenarnya menggambarkan bahawa walaupun kanak-kanak merupakan sampel yang verbal (menghasilkan data yang berbentuk lisan) tetapi mereka sebenarnya lebih banyak membuat pengulangan terhadap perkataan yang sama semasa bercakap. Ini secara tidak langsung telah mempengaruhi nilai NJT yang diperolehi oleh mereka. Walau bagaimanapun, sebenarnya kekerapan mengulang perkataan yang sama semasa membuat ujaran merupakan satu situasi yang lazim bagi kanak-kanak yang berusia 2. 6 dan 3.7

tahun. Ini adalah kerana pada tahap usia sebegini kanak-kanak sebenarnya masih berada dalam proses pembelajaran bahasa, jadi pengulangan yang dibuat terhadap bentuk-bentuk perkatan yang diperolehi merupakan satu strategi latihan bagi mereka untuk mempercepatkan lagi proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan mereka.

Manakala berdasarkan analisis kategori semantik pula didapati kedua-dua sampel dalam kajian ini telah mampu menguasai semua jenis golongan kata, cuma ada beberapa jenis golongan kata sahaja yang tidak begitu mahir di kalangan mereka seperti golongan kata nama khas bukan manusia dan sedikit golongan kata lain yang tidak begitu menonjol. Boleh dikatakan bahawa kedua-duanya telah mempunyai kecekapan dalam mengujarkan sebahagian besar daripada kosa kata asas aktif seperti yang diujarkan oleh orang dewasa. Diantara kosa kata yang banyak dikuasai oleh kanak-kanak berdasarkan analisis data ialah kosa kata yang terdiri daripada golongan kata nama kerana hasil analisis mendapati bahawa kedua-dua sampel mempunyai kekerapan yang paling tinggi dalam mengujarkan golongan kata nama dan diikuti kemudiannya oleh golongan kata kerja. Kesemua kata nama dan kata kerja yang diujarkan oleh kanak-kanak tersebut adalah yang berkait rapat dengan persekitarannya.

Daripada Lampiran 4, jelas kelihatan bahawa kanak-kanak mempunyai kecekapan pemerolehan kata nama am yang jauh lebih tinggi daripada golongan kata nama khas, kata kerja, kata sifat, kata bilangan dan kata tanya. Kata nama am yang paling banyak digunakan ialah yang berkaitan dengan

benda-benda yang ada di sekeliling sampel seperti barang-barang permainan iaitu lori, bola, kereta, belon, ultraman, telefon dan sebagainya. Golongan kata sifat, kata bilangan, kata arah, kata tunjuk, masa dan kata keterangan kurang kerap digunakan oleh kanak-kanak sampel. Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih cepat menguasai dan memahami ciri-ciri semantik yang didukung oleh golongan kata nama dan kata kerja berbanding dengan golongan kata lain. Ini terbukti melalui analisis data didapati bahawa jenis perkataan yang paling banyak diujarkan oleh kanak-kanak ialah jenis perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama terutamanya kata nama am dan diikuti oleh kata kerja. Hal ini demikian kerana kanak-kanak lebih senang menguasai makna bagi perkataan yang bersifat kata nama dan kata kerja berbanding dengan golongan kata lain. Ini kerana makna bagi golongan kata nama dan kata kerja sebenarnya mempunyai sifat yang konkrit atau nyata iaitu makna rujukan bagi golongan perkataan ini dapat dilihat dengan mata kasar seperti perkataan "bola", "kereta", "motor", "makan", "bangun", "duduk", "berjalan" dan sebagainya. Asmah Haji Omar (1985) telah menegaskan bahawa kata nama merupakan kata isi yang merujuk kepada nama, samada nama binatang, barang, orang dan sebagainya. Kata-kata isi ini sebenarnya mudah difahami oleh kanak-kanak kerana ia dapat dirujuk kepada benda, perbuatan atau sifat tertentu. Oleh itu kanak-kanak lebih cepat menguasai kata nama berbanding dengan bentuk-bentuk kata lain seperti kata adjektif, kata tugas dan sebagainya yang mempunyai makna yang abstrak atau tidak nyata. Walau

bagaimanapun, kanak-kanak telah menggunakan pelbagai frasa yang terdiri daripada pelbagai golongan kata dalam ujarannya untuk menggambarkan maksud yang hendak disampaikan ketika berinteraksi. Namun begitu penggunaan frasa nama adalah lebih meluas berbanding dengan penggunaan frasa-frasa yang lain. Secara keseluruhannya frasa nama-frasa nama yang diujarkan oleh kanak-kanak adalah mempunyai kekerapan yang tinggi kerana ia mempunyai fungsi sebagai "*social language*".

Secara amnya, hasil daripada kajian didapati bahawa kanak-kanak lebih banyak menggunakan Frasa Nama berbanding Frasa Kerja dan Frasa Sifat. Didapati bahawa perkataan-perkataan yang diujarkan adalah berbentuk dasar atau unggulan, dan kebanyakan frasa kerja yang digunakan adalah berbentuk kata akar tanpa sebarang proses imbuhan atau penggandaan. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini sebenarnya masih belum dapat menguasai ciri-ciri semantik yang didokong oleh sesuatu imbuhan. Dapatkan ini membuktikan bahawa kanak-kanak pada usia 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini sebenarnya masih tidak mampu menguasai bentuk kata yang bersifat kompleks. Pada tahap ini kanak-kanak hanya mampu menguasai bentuk kata dasar atau unggulan yang mudah tanpa sebarang imbuhan kerana kata dasar lebih senang difahami daripada kata yang bersifat kompleks kerana kanak-kanak pada tahap ini masih berada dalam tahap awal proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa. Ini selari dengan pendapat Clark yang mengatakan bahawa bentuk kata yang tidak bertanda (tidak berimbuhan) adalah lebih

senang difahami baik dari segi semantik atau sintaksis daripada bentuk kata yang bertanda (berimbuhan) (Juriah Long, 1993). Daripada analisis data juga didapati bahawa tidak ada sebarang penggunaan frasa nama dalam bentuk yang tersirat oleh kanak-kanak. Dapatkan ini adalah selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Atan Long (1970) ke atas kanak-kanak yang berumur tujuh tahun. Beliau mendapati bahawa kanak-kanak tersebut lebih banyak memperolehi kata nama daripada kata kerja, kata sifat, kata bilangan, kata arah, tunjuk, masa, keterangan dan sebagainya (Atan Long, 1978). Ini di perkukuhkan lagi dengan dapatan yang dibuat oleh Nelson (1973) dan Benedict (1974) yang mendapati bahawa kanak-kanak yang berusia di bawah lima tahun lebih banyak menguasai perkataan-perkataan golongan kata nama iaitu antara 60-65% dan kata kerja hanya meliputi 20% sahaja. Owen (1984) telah menjelaskan mengapa fenomena ini berlaku dalam proses pemerolehan semantik kanak-kanak. Menurut Owen keadaan tersebut berlaku kerana kata nama dianggap lebih ketara dari segi tanggapan kanak-kanak. Oleh itu pola tersebut lebih kerap digunakan oleh setiap orang dewasa apabila mereka berinteraksi dengan kanak-kanak (Owen, R., E., 1984). Hasil kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini sememangnya masih tidak dapat menguasai sepenuhnya keseluruhan kosa kata bahasa Melayu sama seperti kajian yang telah dibuat oleh Asmah Haji Omar pada tahun 1975 yang melaporkan bahawa kelaziman ini memang sering berlaku di peringkat awal pemerolehan bahasa (Asmah Haji Omar, 1975).

Tetapi secara keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa semua sampel telah mampu menguasai semua golongan kata dan penggunaanya adalah betul iaitu tidak menyalahi makna-makna perkataan tersebut dengan apa yang dimaksudkan. Manakala, berdasarkan kekerapan kanak-kanak mengucapkan sesuatu jenis kata pula, bolehlah digolongkan kanak-kanak dalam kajian ini ke dalam golongan referensial (berdasarkan kategori yang dibuat oleh Nelson) kerana kanak-kanak referensial biasanya menggunakan dua kali ganda perkataan namaan am tetapi sedikit sahaja perkataan diri sosial manakala kanak-kanak ekspressif pula hanya menggunakan satu per dua daripada jumlah namaan am yang digunakan oleh kanak-kanak referensial tetapi mereka menggunakan lebih banyak perkataan-perkataan diri sosial. Dan daripada analisis data pengucapan bahasa kanak-kanak didapati bahawa semua kanak-kanak tergolong dalam golongan kanak-kanak referensial.

Daripada analisis makna rujukan dan relasional pula didapati bahawa kedua-dua sampel telah mampu menguasai makna-makna perkataan yang telah mereka ucapkan. Ini bermaksud bahawa kanak-kanak tahu mengucapkan perkataan-perkataan tersebut dengan betul serta sesuai dengan makna yang dirujuk. Walau bagaimanapun kanak-kanak dalam kajian ini masih melakukan *penyempitan berlebihan* di dalam ujaran kerana mereka sebenarnya masih lagi berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang masih tidak sempurna sepenuhnya sebagaimana tahap penguasaan orang dewasa. Namun begitu, secara keseluruhannya bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kanak-kanak

yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun sebenarnya telah menguasai sebahagian besar ciri-ciri semantik bahasa Melayu walaupun tidak keseluruhannya.